BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Kestabilan Kewangan
Separuh Pertama
2021



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2021 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan serta mengandungi rencana mengenai isu yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 30 Jun 2021 atau dinyatakan sebaliknya.

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2021 ini boleh didapati dalam Portable Document Format (PDF) di www.bnm.gov.my

Kandungan

Sorotan Penting

Tinjauan Keseluruhan

Menghadapi Pemulihan Tidak Sekata: Perkembangan Penting pada Separuh Pertama Tahun 2021

7 Risiko Pasaran
11 Risiko Kredit
22 Risiko Operasi

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

31 Sektor Perbankan
43 Sektor Insurans dan Takaful
53 Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan

Tambahan

Glosari, Akronim dan Singkatan

Sorotan Penting
Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2021

Kestablian kewangan domestik terus disokong dengan kukuh oleh sektor kewangan yang berdaya tahan

Penampan modal dan mudah tunai yang mantap membolehkan bank-bank memberikan sokongan yang berterusan terhadap pemulihan ekonomi

18.4%
Nisbah jumlah modal
(Dis '20: 18.9%)

149%
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
(Dis '20: 148%)

RM127b
Lebihan penampan modal
(Dis '20: RM133 bilion)

Permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful terus kukuh, dengan prestasi pengunderaitan yang mampan

221%
Nisbah kecukupan modal
(Dis '20: 220%)

RM37b
Lebihan penampan modal
(Dis '20: RM36 bilion)

Bank-bank terus meningkatkan penampan bagi menyerap potensi kerugian kredit, sejajar dengan amalan peruntukan yang berhemat

54%
Peruntukan yang lebih tinggi berbanding dengan paras sebelum pandemik

1.8%
Jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman
(Dis '20: 1.7%)

129%
Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan)
(Dis '20: 129%)

- Pencetus awal digunakan untuk menandakan peningkatan risiko kredit yang ketara
- Parameter model peruntukan yang lebih konservatif
- Penggunaan pertimbangan pengurusan yang ditingkatkan

Ujian tekanan mengesahkan daya tahan sistem perbankan menghadapi kejutan ekonomi dan kewangan yang teruk

Kebanyakan peminjam isi rumah terus mempunyai penampan kewangan yang mencukupi, walaupun sesetengah peminjam menghadapi tekanan kewangan yang lebih besar

Penampan kewangan isi rumah secara keseluruhan kekal utuh

2.2 kali
Aset kewangan kepada hutang[1]
(Dis '20: 2.2 kali)

1.5 kali
Aset kewangan mudah tunai kepada hutang[1]
(Dis '20: 1.5 kali)

Bantuan bayaran balik pinjaman terus menyokong peminjam yang menghadapi kesukaran

Simulasi menunjukkan **11-15%** daripada peminjam isi rumah mungkin perlu **menggunakan penampan kewangan untuk membayar hutang**

Daripada jumlah ini hanya **1.9%** berisiko untuk menghabiskan penampan tunai atau deposit mereka

12.8% daripada akaun pinjaman isi rumah berada di bawah bantuan bayaran balik pinjaman

Nota: Anggaran terhadap kejutan pendapatan dan pengangguran tidak mengambil kira kesan langkah-langkah dasar untuk membantu aliran wang tunai peminjam

Standard pengunderaitan yang mantap telah mengekalkan nisbah khidmat hutang yang berhemat dalam kalangan isi rumah

Median Nisbah Khidmat Hutang

Pinjaman baru lulus
(Dis '20: 43%)
41%

Pinjaman terkumpul
(Dis '20: 35%)
35%

[1] Paras ambang kehematan adalah satu kali

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor perniagaan telah pulih sedikit tetapi terus menghadapi rintangan berikutan pemulihan ekonomi yang tidak sekata

Syarikat perniagaan lebih besar terus memperkukuh penampan berikutan pemulihan dalam perolehan

Penunjuk Sektor Perniagaan[2]

- **6.3%** — Margin operasi *(S4 '20: 5.2%)*
- **1.4 kali** — Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek *(S4 '20: 1.4 kali)*
- **21.9%** — Nisbah hutang kepada ekuiti *(S4 '20: 22.5%)*
- **5.4 kali** — Nisbah perlindungan faedah *(S4 '20: 4.9 kali)*

PKS lebih terjejas tetapi peningkatan risiko kredit baru-baru ini kekal sederhana berikutan sokongan dasar yang berterusan

Bahagian Dedahan Pinjaman PKS di Bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman



Bahagian Dedahan Pinjaman PKS yang Diklasifikasikan Sebagai Risiko Kredit yang Lebih Tinggi[3] dan Jejas Nilai



Aktiviti pemberian pinjaman oleh bank-bank terus menyokong keperluan pembiayaan PKS dengan keupayaan tambahan daripada pelbagai langkah bantuan pembiayaan

6% *(Dis '20: 9.6%)*	Pertumbuhan pinjaman PKS keseluruhan	*ST1 '21:* **RM154b** *(ST2 '20: RM137b)*	Pengeluaran pinjaman PKS melebihi paras sebelum COVID-19 *(purata 2017-19: RM150b)*
RM309b *(Dis '20: RM305b)*	Jumlah pembiayaan PKS terkumpul oleh bank-bank	**77.3%** *(Dis '20: 73.3%)*	Kadar kelulusan pinjaman PKS

Bantuan pembiayaan dan jaminan kredit
melalui Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad

Dana BNM untuk PKS
cth. Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar, Pembiayaan Pelancongan PENJANA

Nota: Angka-angka adalah setakat bulan Jun 2021, melainkan dinyatakan sebaliknya

Pengurusan risiko dalam menghadapi gangguan teknologi informasi dan serangan siber terus menjadi keutamaan penting bagi sektor kewangan

Langkah-langkah yang diambil oleh institusi kewangan untuk memperkukuh daya tahan operasi dan siber

- Penambahbaikan yang berterusan kepada pelan kesinambungan perniagaan dan pemulihan bencana
- Pengukuhan pengaturan kerjasama untuk mengesan dan bertindak balas terhadap ancaman siber
- Pengukuhan dasar dalaman dan pengaturan pengawasan untuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga
- Penilaian yang berterusan terhadap kecukupan kawalan bagi melindungi data sulit di bawah pengaturan kerja jarak jauh yang berlanjutan

Penggunaan Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (FinTIP) akan memberikan sokongan selanjutnya kepada keupayaan tindak balas siber oleh sektor kewangan



[2] Data setakat S1 2021; Paras ambang kehematan untuk nisbah tunai kepada hutang jangka pendek dan nisbah perlindungan faedah masing-masing adalah satu kali dan dua kali
[3] Seperti yang diukur oleh pinjaman yang diklasifikasikan oleh bank-bank di bawah Tahap 2 berdasarkan MFRS 9

Sumber: Bank Negara Malaysia dan S&P Capital IQ

Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan Keseluruhan

Risiko kepada kestabilan kewangan kekal terkawal walaupun penularan semula jangkitan COVID-19 dan kelewatan pelaksanaan pemberian vaksin terutamanya dalam kebanyakan negara sedang pesat membangun telah menjejaskan pemulihan ekonomi global pada separuh pertama tahun 2021. Perimbangan yang teliti terus dibuat oleh penggubal dasar di seluruh dunia berhubung dengan keperluan untuk mengekalkan sokongan dasar yang luar biasa bagi ekonomi berikutan prospek yang masih tidak jelas akibat pandemik. Hal ini juga bagi mengelakkan wujudnya kelemahan pada masa hadapan akibat penilaian aset yang melebihi kebiasaan, peningkatan pengambilan risiko dan leveraj yang lebih tinggi oleh sektor swasta dalam keadaan pelanjutan tempoh kadar faedah yang rendah. Jangkaan bahawa dasar monetari akan kembali normal di ekonomi maju boleh meningkatkan risiko terhadap sistem kewangan yang masih belum pulih sepenuhnya dan mempunyai kelemahan yang lebih ketara.

Di Malaysia, kestabilan kewangan domestik terus disokong dengan kukuh oleh sektor kewangan yang berdaya tahan. Peningkatan peruntukan pada tahun 2020 telah memberikan bank-bank sedikit ruang pada tahun 2021 untuk mengurangkan jumlah peruntukan tambahan yang disediakan bagi kerugian kredit, dan menyokong pemulihan keuntungan. Keadaan ini membolehkan bank-bank terus memberikan bantuan bayaran balik hutang kepada isi rumah dan perniagaan yang terjejas akibat sekatan pergerakan terkini dan pada masa yang sama mengekalkan aktiviti pinjaman. Penanggung insurans dan pengendali takaful pada amnya juga terus menjana keuntungan dan berada pada kedudukan yang baik untuk membantu individu dan perniagaan dengan memberikan fleksibiliti pada pembayaran premium dan caruman yang akan mengekalkan perlindungan mereka. Dalam pasaran kewangan domestik, keadaan kekal teratur dan terus menyokong keadaan pendanaan keseluruhan untuk bank-bank dan syarikat korporat. Kadar hasil bon domestik boleh mengalami kenaikan tekanan yang berterusan disebabkan oleh penawaran bon kerajaan yang lebih tinggi pada masa hadapan dan peningkatan kadar hasil Perbendaharaan Amerika Syarikat selanjutnya yang mencerminkan prospek ekonomi Amerika Syarikat yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, kesan terhadap keuntungan dan kedudukan modal bank-bank serta penanggung insurans dan pengendali takaful dijangka kekal terurus, meskipun dalam senario pergerakan kadar hasil yang lebih besar daripada jangkaan.

Prestasi sektor perniagaan mula pulih menjelang suku kedua tahun 2021 berikutan pelonggaran sekatan pergerakan. Bahagian syarikat yang berisiko telah berkurang daripada kadar tertinggi sebelum ini yang dicatatkan pada tahun 2020. Namun, bahagian ini kekal lebih tinggi daripada paras purata sebelum pandemik disebabkan oleh cabaran yang terus dihadapi oleh syarikat dalam sektor-sektor yang terjejas lebih teruk akibat sekatan pergerakan. Leveraj perniagaan keseluruhan juga telah bertambah baik sejajar dengan pembayaran balik hutang yang lebih tinggi oleh syarikat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat di seluruh negara menjelang akhir suku kedua tahun 2021 boleh menyaksikan peningkatan kewangan ini tertangguh, terutamanya dalam kalangan syarikat yang lebih kecil dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan serta memanjangkan tempoh kesukaran yang sememangnya telah menimbulkan cabaran kepada syarikat dalam industri berkaitan dengan pelancongan. Keadaan ini boleh mengakibatkan tekanan semula terhadap keupayaan membayar balik hutang oleh syarikat yang lebih terjejas. Program bantuan bayaran balik pinjaman serta langkah-langkah sokongan oleh Kerajaan dan Bank setakat ini telah membendung sebarang peningkatan kes mungkir pinjaman yang ketara. Khususnya, bantuan aliran tunai daripada bayaran balik pinjaman tertunda membantu PKS untuk menghadapi pelaksanaan semula sekatan kawalan pergerakan dengan lebih baik, di samping kesan positif daripada langkah-langkah penjimatan kos dan penggunaan teknologi digital yang meningkat. Selaras dengan itu, bahagian pinjaman PKS yang dinilai berisiko kredit lebih tinggi oleh bank-bank kekal sederhana secara relatif walaupun terdapat peningkatan dalam PKS yang memohon bantuan bayaran balik pinjaman dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Bank-bank juga terus memberikan pinjaman kepada PKS yang berdaya maju dengan pelbagai skim jaminan pembiayaan yang terus tersedia bagi melengkapkan pemberian pinjaman langsung bank-bank kepada segmen-segmen tersebut.

Kebanyakan peminjam isi rumah kekal berdaya tahan, dengan penampan kewangan sedia ada dan langkah-langkah bantuan dasar yang menyediakan perlindungan

terhadap potensi kejutan. Bantuan bayaran balik pinjaman yang diberikan oleh bank-bank terus memberikan sokongan kepada peminjam isi rumah yang menghadapi kesukaran kewangan. Hal ini sekali gus mengelakkan keadaan kewangan mereka dan seterusnya ekonomi serta sistem kewangan secara amnya daripada semakin terjejas. Walaupun bantuan ini menyokong keupayaan peminjam membayar balik hutang untuk sementara waktu, pemulihan ekonomi yang lebih utuh terus menjadi keutamaan bagi memulihkan kedudukan kewangan jangka panjang para peminjam. Bahagian peminjam isi rumah yang telah memohon bantuan bayaran balik hutang telah meningkat dengan mendadak selaras dengan bantuan bayaran balik hutang yang diberikan secara meluas oleh bank-bank pada bulan Jun dan Julai. Namun, seperti yang diperhatikan sebelum bulan Jun, bahagian ini dijangka berkurang sekali lagi apabila ekonomi dibuka semula secara beransur-ansur dan isi rumah melihat kurangnya keperluan untuk menambah penampan awasan. Yang penting, pemberian pinjaman baharu oleh bank-bank kepada sektor isi rumah terus disokong oleh piawaian pengunderaitan yang kukuh. Dedahan bank kepada peminjam isi rumah berisiko lebih tinggi dengan penampan kewangan yang kurang mencukupi kekal rendah.

Aktiviti dalam pasaran perumahan telah mengurangkan peningkatan awal yang dicatatkan pada separuh kedua tahun 2020 apabila kesan daripada tindak balas positif terhadap pelbagai insentif pemilikan rumah yang diperkenalkan oleh Kerajaan menjadi reda. Walau bagaimanapun, harga rumah terus disokong oleh permintaan yang berterusan dalam kalangan pembeli rumah kali pertama untuk harta tanah mampu milik. Keadaan ini dijangka mengurangkan risiko berkaitan dengan pembetulan harga rumah yang ketara yang boleh menjejaskan kedudukan kewangan isi rumah dan meningkatkan potensi kerugian kepada bank. Dedahan terhad oleh bank-bank terhadap pinjaman untuk pembelian harta tanah oleh pelabur isi rumah terus membendung risiko tersebut. Meskipun kadar faedah berada pada paras terendah yang pernah dicatatkan, langkah-langkah kehematan makro sedia ada juga terus mengukuhkan amalan pemberian pinjaman secara berhemat dalam kalangan bank. Hal ini sekali gus membendung peningkatan risiko pada masa hadapan yang timbul daripada ledakan harga harta tanah kediaman yang disebabkan oleh kredit seperti yang dialami di beberapa negara lain.

Bank-bank terus mengambil pendekatan memandang ke hadapan terhadap pengurusan risiko kredit meskipun menghadapi cabaran yang besar dalam mengemas kini penilaian kebolehpercayaan kredit peminjam. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh ketiadaan data yang lebih terkini mengenai bayaran balik hutang, terutamanya bagi peminjam yang mendaftar di bawah pelbagai program bantuan bayaran balik pinjaman. Sepanjang separuh pertama tahun 2021, bank-bank terus meningkatkan peruntukan bagi kerugian kredit berikutan jangkaan bahawa kualiti aset akan merosot apabila program bantuan bayaran balik pinjaman ditamatkan secara beransur-ansur. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman kekal pada paras tertinggi yang pernah dicatatkan sebelum ini, mencerminkan tahap amalan peruntukan bank yang lebih ketat. Peruntukan oleh bank-bank yang mempunyai dedahan runcit yang tinggi juga telah meningkat dengan ketara dalam beberapa bulan kebelakangan ini berikutan program bantuan bayaran balik pinjaman yang diberikan dengan meluas secara berturut-turut. Keadaan ini terus memberikan jaminan bahawa bank-bank berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kerugian kredit yang lebih tinggi daripada jangkaan sekiranya perkembangan kredit menjadi lebih teruk.

Meskipun prospek pemulihan ekonomi dalam negeri terus bergantung pada tahap ketidakpastian berhubung dengan trajektori pandemik, sistem kewangan domestik dijangka kekal berdaya tahan terhadap potensi kejutan ekonomi dan kewangan. Bank-bank, penanggung insurans dan pengendali takaful terus mempunyai penampan kewangan yang mencukupi untuk menyerap potensi kerugian dalam keadaan makroekonomi dan kewangan yang teruk dan pada masa yang sama mengekalkan sokongan untuk pemulihan ekonomi. Usaha untuk menguruskan risiko yang timbul daripada gangguan teknologi maklumat dan serangan siber terus menjadi keutamaan penting kepada Bank dan institusi kewangan. Hal ini berikutan keperluan untuk mengekalkan pelaksanaan pengaturan bekerja secara jarak jauh dan fleksibel bagi tempoh lebih panjang daripada jangkaan, serta pendigitalan perkhidmatan kewangan lebih meluas yang juga bergantung pada penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Pelaburan yang besar dan berterusan oleh institusi kewangan untuk mengukuhkan pelan kesinambungan perniagaan dan daya tahan terhadap risiko siber kekal penting bagi mengurangkan risiko operasi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Pengoperasian Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan pada bulan September yang dipantau oleh Bank akan terus menyokong usaha-usaha ini dengan meningkatkan keupayaan sektor kewangan bagi mengesan dan bertindak balas dengan pantas terhadap ancaman siber.

Menghadapi Pemulihan Tidak Sekata: Perkembangan Penting pada Separuh Pertama Tahun 2021

7 Risiko Pasaran
11 Risiko Kredit
22 Risiko Operasi

Menghadapi Pemulihan Tidak Sekata: Perkembangan Penting pada Separuh Pertama Tahun 2021

RISIKO PASARAN

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur

Pada separuh pertama tahun 2021, pasaran kewangan global disokong oleh pemulihan ekonomi yang lebih kukuh daripada jangkaan, terutamanya dalam ekonomi maju apabila pemberian vaksin yang dilaksanakan dengan cepat telah menyebabkan sekatan pandemik dilonggarkan. Namun demikian, pemulihan ekonomi global kekal tidak sekata berikutan penularan semula jangkitan COVID-19 dan kelewatan pemberian vaksin yang menjejaskan pemulihan banyak pasaran sedang pesat membangun. Di dalam negeri, tekanan pasaran meningkat pada pertengahan bulan Jun dan Julai (Rajah 1.1) berikutan kenaikan kadar hasil bon global, langkah-langkah pembendungan yang semakin ketat sebagai tindak balas kepada peningkatan kes COVID-19 serta perkembangan politik dalam negeri, sebelum reda sedikit pada bulan Ogos. Walau bagaimanapun, tahap tekanan ini kekal jauh lebih rendah berbanding dengan tahap yang dicatatkan semasa bermulanya pandemik COVID-19 antara bulan Mac hingga April 2020.

Pasaran ekuiti domestik mencatatkan aliran keluar bukan pemastautin berjumlah RM4.5 bilion bagi tempoh lapan bulan sehingga akhir bulan Ogos 2021 berikutan sentimen pelabur yang lemah (Rajah 1.2). Meskipun ketidakpastian yang berpanjangan berhubung dengan pembukaan semula ekonomi boleh mencetuskan aliran keluar yang berterusan oleh bukan pemastautin pada tempoh akan datang, kehadiran pelabur institusi domestik besar dan pelabur runcit yang berterusan dijangka memberikan sedikit sokongan kepada harga ekuiti. Yang ketara, pelabur runcit terus membeli sebahagian besar penjualan dalam pasaran ekuiti, iaitu mencakupi 34% daripada jumlah nilai yang didagangkan pada bulan Ogos 2021 (2020: 34%; purata 3 tahun: 19%).

Yang penting, pelaburan sedemikian tidak dikaitkan dengan leveraj lebih tinggi yang boleh meningkatkan risiko kepada isi rumah dalam keadaan pasaran yang lebih tidak menentu. Pinjaman isi rumah yang digunakan untuk membeli saham tersenarai (*quoted shares*) kekal kecil pada

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Nota: FMSI berada pada aras tertinggi sebanyak 28.2% pada permulaan pandemik COVID-19 pada bulan Mac 2020.

Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

0.5% daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan, sejajar dengan purata 5 tahun sebelum ini, sementara pinjaman kepada syarikat broker saham dan pengurus dana juga kekal stabil, iaitu kurang daripada 1% daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan. Aktiviti pelabur runcit[1] dijangka berterusan dalam tempoh terdekat kerana sektor isi rumah, terutamanya golongan berpendapatan lebih tinggi, terus mencari pulangan yang lebih tinggi dalam keadaan persekitaran kadar faedah yang rendah. Terdapat tanda-tanda bahawa sesetengah isi rumah menggunakan wang daripada penangguhan bayaran balik pinjaman untuk melabur dalam pasaran ekuiti. Namun hal ini tidak meluas dan mungkin lebih banyak berlaku dalam kalangan isi rumah berpendapatan tinggi yang mempunyai fleksibiliti kewangan yang lebih besar memandangkan kos berkaitan dengan penangguhan bayaran balik pinjaman yang mungkin ditanggung. Pandangan pasaran juga menunjukkan bahawa pelabur runcit ini kebanyakannya terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman dalam pelaburan ekuiti, yang berusaha meningkatkan pulangan jangka panjang untuk simpanan mereka. Gabungan faktor ini mengehadkan lagi sebarang risiko kepada kestabilan kewangan yang disebabkan oleh aktiviti pelabur runcit lebih rancak yang dicatatkan dalam tempoh baru-baru ini. Walau bagaimanapun, kadar faedah rendah untuk tempoh yang berpanjangan boleh meningkatkan risiko pada masa hadapan kerana peningkatan dalam pencarian terhadap kadar hasil dalam kalangan isi rumah yang kurang mampu mengurus risiko pelaburan.

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pasaran bon domestik terus menarik minat pelabur bukan pemastautin

Pasaran bon kerajaan domestik mencatatkan aliran masuk bukan pemastautin bersih yang lebih tinggi dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2021 (RM23.9 bilion) berbanding dengan sepanjang tahun 2020 (RM17.2 bilion) (Rajah 1.3). Aliran masuk ini adalah susulan daripada pengesahan penarafan berdaulat "A-" dan "A3" Malaysia masing-masing oleh S&P Global Ratings dan Moody's Investors Service, dan kedudukan Malaysia yang terus kekal dalam FTSE Russell's World Government Bond Index (WGBI). Bahagian pemegangan bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan seterusnya meningkat kepada 25.2% pada bulan Ogos 2021 (Disember 2020: 24.2%; purata 5 tahun: 25.9%). Permintaan terhadap Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dijangka terus disokong oleh peningkatan kadar hasil yang menarik berbanding dengan Perbendaharaan Amerika Syarikat (United States Treasury, UST). Secara purata, perbezaan kadar hasil MGS 10 tahun dengan kadar hasil UST 10 tahun berada pada 169 mata asas sepanjang lapan bulan pertama tahun 2021 (purata tahun 2020: 195 mata asas, purata tahun 2019: 151 mata asas) (Rajah 1.4). Bon jangka lebih panjang (10 tahun dan ke atas) terus mencatatkan nisbah bida kepada perlindungan purata (*average bid-to-cover ratio*) yang kukuh sebanyak 2.6 kali dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2021 (purata tahun 2020: 2.1 kali). Sementara itu, pelabur institusi domestik

Rajah 1.4: Pasaran Kewangan – Perbezaan Kadar Hasil MGS 10-tahun dengan Kadar Hasil UST 10-tahun



Sumber: Bloomberg

[1] Berdasarkan Tinjauan Sentimen Pelabur Runcit CGS-CIMB 2021, sebahagian besar pelabur runcit di Malaysia ialah mereka yang berpendapatan melebihi RM5,000 sebulan dengan pelaburan yang dibiayai terutamanya oleh simpanan dan pendapatan.

terus memainkan peranan penting bagi menyokong keadaan pasaran bon domestik yang teratur, dengan pemegangan bon kerajaan oleh bank-bank meningkat lebih ketara sepanjang tempoh tersebut berikutan pertumbuhan pinjaman yang lemah. Keadaan pembiayaan domestik bagi sektor korporat juga terus menggalakkan. Terbitan bon korporat[2] kasar meningkat sepanjang tujuh bulan pertama tahun 2021 (RM63.8 bilion; Januari hingga Julai 2020: RM45.6 bilion), dengan spread kredit kertas berpenarafan AAA 10 tahun berkisar pada 63 mata asas secara purata antara bulan Januari hingga Ogos 2021, (purata tahun 2020: 59 mata asas). Lebih separuh daripada terbitan ini adalah daripada sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Pada masa hadapan, kadar hasil bon domestik mungkin mengalami tekanan menaik yang berterusan disebabkan oleh penawaran bon kerajaan yang lebih banyak dan peningkatan yang lebih besar dalam kadar hasil UST yang mencerminkan pemulihan dalam prospek ekonomi Amerika Syarikat (AS). Hal ini meningkatkan risiko daripada kerugian penilaian mengikut pasaran dan kos peminjaman yang lebih tinggi bagi institusi kewangan, perniagaan dan Kerajaan. Pengurusan risiko yang aktif dan strategi lindung nilai oleh institusi kewangan dijangka dapat mengekang sebarang kesan yang ketara daripada volatiliti pasaran yang meningkat terhadap daya tahan setiap institusi. Bagi bank-bank, meskipun kadar hasil bon domestik yang tinggi sepanjang separuh pertama tahun 2021 telah menyebabkan kerugian penilaian semula daripada pemegangan bon dalam akaun perbankan (*banking book*), kesannya kekal terurus, iaitu kurang daripada 1% daripada jumlah aset berwajaran risiko. Selain itu, kos pendanaan bank-bank dijangka tidak akan terjejas dengan ketara oleh kadar hasil yang lebih tinggi, berikutan pergantungan bank yang rendah terhadap pasaran bon sebagai sumber pendanaan.[3] Berdasarkan analisis sensitiviti kedudukan kewangan bank terhadap pergerakan kadar hasil bon, kenaikan dalam kadar hasil bon sehingga 89 mata asas[4] dan kos pendanaan berbangkit yang lebih tinggi[5] boleh mengurangkan keuntungan sebelum cukai agregat dan nisbah jumlah modal bank-bank masing-masing sehingga 11% dan 1 mata peratusan.

Bagi penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO), kejutan yang serupa boleh memberikan kesan yang lebih ketara dengan keuntungan[6] dana hayat dan keluarga, serta dana am masing-masing berkurang sehingga 85% dan 29%. Dari segi kesolvenan, kenaikan dalam kadar hasil dijangka memberikan kesan positif untuk sektor hayat dan keluarga berikutan penilaian liabiliti relatif kepada aset yang lebih rendah,[7] sementara nisbah kecukupan modal agregat untuk sektor am boleh menurun sehingga 11 mata. Secara keseluruhan, kesan kenaikan kadar hasil bon pada kedudukan kesolvenan bank dan ITO dijangka terus terhad dengan paras modal agregat kekal selesa melebihi paras pengawalseliaan minimum.

Rajah 1.5: Pasaran Kewangan – Pergerakan Ringgit dan Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS



Nota: 1. THB - Baht Thailand, KRW - Won Korea, JPY - Yen Jepun, PHP - Peso Filipina, SGD - Dolar Singapura, IDR - Rupiah Indonesia, INR - Rupee India, CNY - Renminbi China, TWD - Dolar Taiwan Baharu
2. Merujuk pergerakan setakat tahun ini pada akhir bulan Ogos 2021

Sumber: Bloomberg

Keadaan pasaran pertukaran asing Malaysia dipengaruhi oleh faktor luaran dan domestik dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2021. Pada suku pertama tahun 2021, peningkatan dalam kadar hasil bon AS jangka panjang mengakibatkan

[2] Termasuk bank dan syarikat korporat bukan kewangan, tetapi tidak termasuk kertas konvensional dan Islamik jangka pendek serta terbitan oleh Cagamas.
[3] Pendanaan melalui ekuiti dan pembiayaan antara bank, serta terbitan bon, masing-masing mencakupi 17% dan 2.6% daripada jumlah pendanaan sistem perbankan.
[4] Berdasarkan kenaikan paling curam dalam kadar hasil bon yang dicatatkan pada suku pertama tahun 2021.
[5] Kos pendanaan lebih tinggi disebabkan oleh keadaan pendanaan domestik yang berpotensi menjadi lebih ketat yang mengiringi keluk kadar hasil yang semakin mencuram.
[6] Merujuk lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan untuk dana hayat dan keluarga, serta keuntungan operasi untuk dana am.
[7] Disebabkan oleh tempoh liabiliti yang lebih panjang berbanding dengan aset seperti yang dinyatakan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Kedua 2019.

pengimbangan semula pelaburan portfolio kepada aset kewangan AS, seterusnya menyumbang kepada pengukuhan dolar AS secara menyeluruh berbanding dengan kadar mata wang negara-negara sedang pesat membangun. Pelabur juga lebih berhati-hati pada suku kedua berikutan peningkatan kes COVID-19 di beberapa buah negara Asia, termasuk Malaysia. Faktor risiko domestik juga telah mempengaruhi prestasi ringgit. Dari bulan Januari hingga akhir bulan Ogos 2021, nilai kadar pertukaran ringgit menyusut sebanyak 3.3% kepada RM4.1552 berbanding dengan dolar AS, selari dengan pergerakan mata wang serantau (Rajah 1.5). Pelarasan kadar pertukaran terus teratur, dengan volatiliti tersirat RM/USD 1 bulan berpurata 4.4% (purata 3 tahun: 4.5%).

Tahap volatiliti pasaran kewangan masih bergantung pada prospek pemulihan ekonomi global dan domestik, ketidakpastian berhubung dengan pendirian dasar monetari ekonomi negara maju dan kebimbangan terhadap kesan varian COVID-19. Rejim kadar pertukaran domestik yang fleksibel akan terus memainkan peranan penting bagi menyerap kejutan pasaran dengan membantu pelarasan yang sewajarnya dalam sektor luaran di samping mengurangkan kejutan global yang teruk kepada ekonomi domestik. Pasaran bon yang mendalam dan mudah cair serta kepelbagaian pelabur di Malaysia juga akan menyokong pengantaraan aliran portfolio, sekali gus mengekalkan keadaan pasaran yang teratur.

RISIKO KREDIT

Perniagaan pulih sedikit, tetapi prospek pertumbuhan terus mencabar berikutan penularan semula kes COVID-19

Prestasi kewangan[8] semua sektor perniagaan, kecuali perniagaan berkaitan dengan pelancongan, bertambah baik pada suku pertama tahun 2021 dengan pelonggaran sekatan pergerakan, walaupun masih belum pulih ke paras sebelum pandemik (Rajah 1.6). Prestasi yang bertambah baik ini ketara terutamanya dalam kalangan syarikat tersenarai bersaiz lebih kecil dan sederhana, yang lebih terjejas akibat sekatan pergerakan pada tahun 2020. Keadaan yang lebih baik ini juga mencerminkan kejayaan yang lebih besar dalam meningkatkan hasil syarikat melalui pendigitalan. Pendapatan daripada jualan e-dagang meningkat kira-kira 27% pada separuh pertama tahun 2021 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu.[9] Sehubungan dengan itu, urus niaga pembayaran runcit dalam talian[10] meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 71% pada separuh pertama tahun 2021 (ST2 2020: 69%). Kebanyakan daripada perubahan ini berkemungkinan menyumbang kepada peningkatan kecekapan jangka panjang yang akan menyokong prestasi dan daya tahan perniagaan dengan lebih mantap pada masa hadapan. Bahagian syarikat berisiko[11] menurun daripada paras tertinggi yang dicatatkan sebelum ini pada tahun 2020 (Rajah 1.7). Walau bagaimanapun, bahagian ini kekal lebih tinggi berbanding dengan paras sebelum pandemik. Hal ini terutamanya mencerminkan cabaran yang terus dihadapi oleh syarikat dalam sektor hotel dan restoran, pengangkutan udara, pembinaan dan harta tanah.

Syarikat bersaiz lebih kecil dan sederhana terus mengekalkan penampan mudah tunai yang lebih besar sebagai langkah berjaga-jaga untuk menangani ketidakpastian persekitaran operasi yang berterusan. Deposit perniagaan keseluruhan meningkat sebanyak 3.5% sementara median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek[12] (*cash-to-short-term debt ratio*, CASTD) kekal melebihi purata tahun 2015-2019 merentas kebanyakan sektor. Syarikat juga terus berhati-hati dalam mengambil hutang tambahan memandangkan prospek ekonomi yang tidak menentu. Permohonan pinjaman[13] perniagaan terus menguncup pada kadar yang sama seperti yang dicatatkan pada tahun 2020 (ST1 2021: -11.2%; 2020: -11.1%), manakala bayaran balik

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Syarikat yang Berisiko bagi Sektor Terpilih



Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

[8] Data setakat suku pertama tahun 2021. Data prestasi kewangan untuk suku kedua tahun 2021 tidak tersedia semasa menyediakan Tinjauan ini disebabkan oleh lanjutan satu bulan secara automatik yang diberikan oleh Bursa Malaysia kepada syarikat tersenarai untuk menerbitkan penyata kewangan (yang lazimnya diterbitkan pada 31 Julai 2021 dan 31 Ogos 2021) berikutan pelaksanaan semula sekatan pergerakan.

[9] Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

[10] Termasuk pembayaran melalui DuitNow & DuitNow Quick Response (QR), Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX), GIRO Antara Bank (IBG), Skim Pembayaran Bil Elektronik Kebangsaan (JomPAY), Direct Debit, MyDebit dan Pindahan Dana Antara Bank (IBFT).

[11] Syarikat berisiko ditakrifkan sebagai syarikat bukan kewangan tersenarai dengan nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR) di bawah paras ambang kehematan sebanyak dua kali.

[12] Ambang kehematan CASTD ialah satu kali.

[13] Merujuk pinjaman dan pembiayaan, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Bahagian Pinjaman yang Menjalani Penjadualan dan Penstrukturan Semula Mengikut Sektor



Sumber: Bank Negara Malaysia

pinjaman mengatasi paras sebelum pandemik dengan peningkatan yang kukuh sebanyak 22% (2020: -4.1%). Terbitan bon[14] syarikat korporat bukan kewangan (*non-financial corporate*, NFC) bersih juga menjadi sederhana (Januari-Julai 2021: RM12.5 bilion; Januari-Julai 2020: RM16.9 bilion) berikutan penebusan yang lebih tinggi, terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan. Hal ini menyebabkan penurunan leveraj perniagaan keseluruhan terus berlaku dalam tempoh tersebut. Namun demikian, NFC yang lebih besar dengan kewangan yang kukuh terus memanfaatkan keadaan pendanaan yang menggalakkan dalam pasaran bon korporat, dengan terbitan bon NFC yang berterusan (Januari-Julai 2021: RM55.1 bilion; Januari-Julai 2020: RM56.8 bilion).

Pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat di seluruh negara di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKP Penuh) menjelang akhir suku kedua tahun 2021 mungkin menjejaskan keadaan kewangan yang sebelum ini bertambah baik, terutamanya dalam kalangan syarikat yang lebih kecil dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan, dan pada masa yang sama memanjangkan tempoh kesukaran yang sedang dihadapi oleh syarikat dalam industri berkaitan pelancongan. Hal ini jelas terbukti daripada bahagian pinjaman yang lebih tinggi di bawah bantuan bayaran balik pinjaman pada akhir bulan Jun 2021 merentas kebanyakan sektor perniagaan berbanding dengan bulan Disember 2020 (Rajah 1.8). Interaksi dan perbincangan dengan industri menunjukkan bahawa syarikat-syarikat dalam sektor yang lebih teruk terjejas akibat sekatan pergerakan terus menghadapi tekanan aliran tunai yang ketara dan akan berdepan dengan tekanan baharu terhadap keupayaan mereka membayar balik hutang meskipun terdapat peningkatan yang dicatatkan pada suku pertama (Rajah 1.9).

Rajah 1.9: Sektor Perniagaan – Penunjuk Mudah Tunai dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Terpilih



Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

[14] Merujuk bon dan sukuk, termasuk kertas pelaburan jangka pendek, melainkan jika dinyatakan sebaliknya. Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, institusi kewangan dan bukan pemastautin.

Syarikat besar lebih berupaya menguruskan kesan langkah-langkah pembendungan terkini, manakala PKS pula lebih terjejas disebabkan oleh tahap penampan mudah tunai yang rendah

Secara amnya, syarikat yang lebih besar mempunyai keupayaan yang lebih baik untuk menguruskan cabaran yang berkaitan dengan langkah-langkah pembendungan berikutan penampan mereka yang lebih kukuh. Penunjuk pasaran risiko kemungkiran[15] bagi syarikat tersenarai secara keseluruhan telah mengekalkan trend yang bertambah baik sepanjang PKP Penuh, walaupun trend ini kekal berada di atas paras sebelum pandemik, yang menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat masih belum pulih seperti sediakala. Selaras dengan trend ini, bilangan penerbit bon domestik yang diturunkan taraf dalam tempoh tersebut juga kekal terhad dan disebabkan oleh kelemahan khusus syarikat. Bahagian pinjaman bukan PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman dan dinilai oleh bank-bank sebagai mempunyai risiko kredit yang jauh lebih tinggi[16] menurun sedikit masing-masing kepada 17.2% dan 16.8% daripada jumlah pinjaman bukan PKS (Disember 2020: masing-masing 17.7% dan 17.2%). Bank-bank mengekalkan tahap kewaspadaan yang tinggi terhadap dedahan yang besar, melalui pemantauan serta interaksi dan perbincangan lebih kerap dengan peminjam yang diperhatikan dalam kalangan institusi perbankan bagi menguruskan risiko kredit secara proaktif. Semakan semula pengawalseliaan Bank menunjukkan bahawa tahap peruntukan yang dipegang oleh bank-bank terhadap dedahan tersebut adalah berhemat. Hal ini akan mengurangkan keperluan bank-bank untuk meningkatkan dengan ketara jumlah peruntukan seterusnya bagi segmen peminjam ini, dengan andaian keadaan ekonomi akan bertambah baik secara beransur-ansur.

Sebaliknya, langkah-langkah pembendungan telah menjejaskan PKS secara tidak sekata, dengan bahagian besar PKS memasuki PKP Penuh dengan

Rajah 1.10: Sektor Perniagaan – Bahagian Pinjaman yang Menjalani Penjadualan dan Penstrukturan Semula Mengikut Segmen



Sumber: Bank Negara Malaysia

tahap penampan mudah tunai yang secara relatif rendah.[17] Bahagian pinjaman PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman secara keseluruhan melonjak kepada 21.6% (Mei 2021: 16.9%; Disember 2020: 15.3%) daripada jumlah pinjaman PKS (Rajah 1.10),[18] didorong terutamanya oleh PKS dalam sektor borong dan runcit, harta tanah, pembinaan dan perkilangan. Pinjaman PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman telah meningkat dengan mendadak selaras dengan tempoh apabila bank-bank memudahkan proses (termasuk keperluan dokumentasi) untuk peminjam PKS mendapatkan bantuan bayaran balik pinjaman – terutamanya pada bulan Disember 2020 dan Jun 2021. Menerusi interaksi dan perbincangan dengan industri, PKS menyatakan bahawa penangguhan bayaran balik pinjaman telah mengurangkan kekangan aliran tunai dan membantu mereka menghadapi sekatan kawalan pergerakan yang diperbaharui dengan lebih baik. Hal ini termasuk PKS yang mungkin dapat terus membayar balik hutang mereka tanpa bantuan bayaran balik pinjaman. Data kaji selidik seterusnya menunjukkan bahawa kesan sekatan pergerakan terhadap penampan tunai PKS adalah kurang serius pada separuh pertama tahun 2021 berbanding dengan kesan yang diperhatikan pada permulaan pandemik. Hal ini mencerminkan keadaan perniagaan yang bertambah baik sedikit, dengan sokongan tambahan

[15] Seperti yang dijejaki oleh penunjuk Bloomberg Default Risk (DRSK) yang mengukur kebarangkalian kemungkiran dalam jangka masa satu tahun untuk sampel syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Penunjuk tersebut adalah berdasarkan ukuran jarak kemungkiran Merton, berserta dengan faktor-faktor tambahan yang berkaitan dengan ekonomi dan statistik.

[16] Seperti yang diukur oleh pinjaman yang diklasifikasikan oleh bank-bank sebagai Tahap 2 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).

[17] Kaji Selidik BNM mengenai Keperluan Kewangan dan Bukan Kewangan PKS (Mei 2021), serta kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Dunia (Januari-Februari 2021) dan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SAMENTA) (Jun 2021) menunjukkan bahawa kira-kira 60% daripada PKS mempunyai rizab tunai kurang daripada tiga bulan.

[18] PKS terus membentuk sebahagian besar syarikat yang meraih manfaat daripada bantuan bayaran balik pinjaman, mencakupi 92% daripada jumlah akaun pinjaman perniagaan yang diluluskan untuk penjadualan dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*, R&R).

daripada langkah-langkah pengurangan kos serta penggunaan digital yang meningkat. Bahagian pinjaman PKS yang dinilai oleh bank-bank sebagai mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi meningkat seiring dengan pertambahan pinjaman yang berada di bawah bantuan bayaran balik pinjaman, tetapi secara relatif kekal sederhana pada 14.6% daripada jumlah pinjaman PKS (Disember 2020: 14.1%). Sektor harta tanah, borong dan runcit, pembinaan dan perkilangan terus merangkumi sebahagian besar (hampir 70%) daripada pinjaman ini. Meskipun demikian, pembukaan semula ekonomi yang terganggu telah menyebabkan ketidakpastian yang berterusan bagi banyak PKS. Hal ini mungkin meningkatkan tahap kebergantungan PKS pada langkah-langkah sokongan dasar dalam tempoh terdekat.

Dalam sektor harta tanah komersial, kadar penghunian dan penyewaan kompleks beli-belah dan ruang pejabat terus menurun (Rajah 1.11 dan Rajah 1.12). Meskipun bekalan baharu lebih rendah

Rajah 1.11: Sektor Perniagaan – Kadar Kekosongan Ruang Pejabat dan Ruang Niaga di Lembah Klang



Sumber: Jones Lang Wootton

Rajah 1.12: Sektor Perniagaan – Sewa untuk Ruang Pejabat Utama dan Ruang Niaga Utama di Kuala Lumpur



[1]Sewa purata kedai-kedai paling terkemuka di kompleks beli-belah utama

Sumber: Knight Frank Malaysia dan Savills Malaysia

berikutan beberapa pembatalan dan penangguhan projek, kadar kekosongan meningkat merentas semua negeri utama dengan siapnya beberapa projek pembangunan harta tanah komersial dalam keadaan permintaan yang terus lemah. Pemilik harta tanah terus memberikan tempoh tanpa bayaran sewa (*rent-free period*), konsesi sewa dan pakej bantuan sewa jangka pendek untuk menarik penyewa baharu dan mengekalkan penyewa sedia ada. Purata kadar sewa untuk ruang pejabat dan ruang niaga di Lembah Klang kini telah menurun selama empat suku tahun berturut-turut sejak suku ketiga tahun 2020. Meskipun pelbagai bantuan sewa diberikan, terdapat sehingga separuh daripada pengendali pusat beli-belah melaporkan kesukaran yang ketara untuk mengutip sewa daripada penyewa mereka.[19] Hal ini akan terus memberikan kesan buruk kepada aliran tunai pemilik pusat beli-belah, terutamanya pusat beli-belah di lokasi bukan utama dengan kadar kekosongan yang secara relatif lebih tinggi. Pada masa hadapan, kadar kekosongan mungkin terus meningkat dan memberikan tekanan terhadap sewa akibat perubahan struktur yang disebabkan oleh pandemik, termasuk pengaturan kerja yang fleksibel dan peralihan dalam corak perbelanjaan pengguna ke arah e-dagang. Penamatan perlindungan di bawah Akta COVID-19 2020 yang melarang pengusiran penyewa harta tanah komersial yang tidak membayar sewa dari premis yang diduduki boleh menjejaskan lagi kadar penghunian. Keadaan ini dijangka tidak meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan dengan ketara, memandangkan dedahan pinjaman bank secara langsung yang terhad bagi harta tanah komersial pejabat dan ruang niaga (3.1% daripada pinjaman sistem perbankan) dan amalan pemberian pinjaman bank yang konservatif. Namun, kesan limpahan yang lebih meluas terhadap ekonomi boleh meningkatkan risiko terhadap bank.

Program bantuan bayaran balik pinjaman dan langkah-langkah sokongan oleh Kerajaan dan Bank setakat ini telah membendung peningkatan kejadian mungkir yang ketara, dengan keseluruhan nisbah pinjaman terjejas perniagaan secara amnya kekal stabil pada 2.7% (Rajah 1.13). Namun begitu, bank-bank bersiap sedia untuk menghadapi kejadian mungkir yang lebih tinggi dan terus menambah peruntukan terhadap potensi kerugian kredit yang berlaku apabila langkah-langkah sokongan akhirnya dihentikan (rujuk Rencana Maklumat 'Amalan Peruntukan Institusi Perbankan untuk Mengurangkan Kesan Kenaikan Risiko Kredit Berikutan Pandemik'). Di samping itu, di bawah senario simulasi ekonomi lembap yang berlarutan dan ketiadaan campur tangan dasar,

[19] Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPK Malaysia) pada bulan Ogos 2021.

Rajah 1.13: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

bank-bank dijangka kekal berdaya tahan walaupun pinjaman terjejas perniagaan mencecah hingga tiga kali paras semasa pada akhir tahun 2022.[20]

Daya tahan bank terus menyokong pembiayaan kepada PKS yang berdaya maju. Sepanjang separuh pertama tahun ini, lebih seperempat daripada pinjaman PKS yang diluluskan adalah untuk peminjam kali pertama, sementara pinjaman yang diluluskan untuk PKS baharu[21] mencakupi hampir 20% daripada jumlah pinjaman PKS yang diluluskan. Kelulusan pinjaman ini membantu PKS meneruskan aktiviti perniagaan, terutamanya ketika mereka berusaha untuk menyesuaikan operasi atau merebut peluang perniagaan yang baharu sebagai tindak balas terhadap kesan jangka pendek dan jangka lebih panjang yang akan berlaku akibat pandemik. Pinjaman PKS secara keseluruhan meningkat sebanyak 6% (Disember 2020: 9.6%), dengan kadar kelulusan pinjaman PKS meningkat kepada 77.3% (Disember 2020: 73.3%; purata 5 tahun: 82.8%). Pembiayaan untuk aktiviti berkaitan pelaburan,[22] yang akan meningkatkan kapasiti pengeluaran PKS, terus bertambah walaupun pada kadar yang lebih sederhana (Jun 2021: 2.4%; Disember 2020: 7.6%). Sementara itu, pembiayaan untuk modal kerja meningkat sebanyak 9.2% (Disember 2020: 12.3%), didorong terutamanya oleh sektor yang berurusan secara langsung dengan pengguna (*consumer-facing sectors*) seperti sektor borong dan runcit, hotel dan restoran serta pengangkutan yang terus menghadapi rintangan dalam persekitaran yang mencabar.

Dana BNM untuk PKS juga membantu memberikan sokongan selanjutnya kepada PKS dari segi pemberian pinjaman. Dana ini membolehkan bank menawarkan pembiayaan pada kadar konsesi dengan cara mengurangkan kos dana bank dan menambah baik profil kredit peminjam melalui jaminan yang disusun lebih awal. Dana BNM untuk PKS kini mewakili sekitar 5% daripada pembiayaan terkumpul bagi PKS, berbanding dengan purata sebelum pandemik (2015-2019) sebanyak 2%. Di samping itu, bank-bank juga memanfaatkan skim jaminan kredit lain yang disediakan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP). Kira-kira 7% daripada pembiayaan terkumpul untuk PKS bersandarkan jaminan kredit di bawah skim-skim ini. Jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding dengan paras sebelum pandemik (purata 2015-2019: 4%), yang mencerminkan pendekatan lebih berhati-hati oleh bank-bank sehingga adanya perkembangan yang lebih jelas tentang prestasi pinjaman PKS yang sedang menerima bantuan bayaran balik pinjaman. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, peminjam PKS juga lebih keberatan untuk menanggung hutang tambahan melainkan jika perlu. Faktor-faktor ini dapat membendung risiko peningkatan leveraj dalam kalangan PKS meskipun terdapat peminjaman yang lebih tinggi untuk modal kerja disebabkan oleh pandemik (Rajah 1.14).[23] Walau bagaimanapun, kesanggupan bank-bank mengambil risiko dengan lebih berhati-hati juga boleh menjejaskan pemulihan sekiranya penurunan pemberian pinjaman bank-bank menjadi lebih meluas disebabkan oleh kebimbangan yang ketara terhadap kualiti aset. Nilai purata pinjaman modal kerja baharu yang diberikan oleh bank-bank sejak bermulanya pandemik jauh lebih kecil (kira-kira separuh) berbanding dengan nilai pinjaman sebelum krisis.

Bank-bank terus mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk berdepan dengan potensi kerugian kredit daripada perniagaan

Dalam persekitaran ini, langkah-langkah dasar yang melengkapi pemberian pinjaman bank kepada PKS sambil meningkatkan keyakinan dalam kalangan bank untuk menanggung risiko dalam kedudukan kewangan mereka sendiri akan terus

[20] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua Tahun 2020 untuk keterangan lanjut.
[21] Ditakrifkan sebagai PKS yang ditubuhkan tidak lebih daripada tiga tahun.
[22] Aktiviti berkaitan dengan pelaburan termasuk pinjaman untuk pembelian sekuriti, kenderaan pengangkutan, harta bukan kediaman dan aset tetap, serta untuk pembinaan dan tujuan lain.
[23] PKS lazimnya lebih bergantung pada dana peribadi dan perolehan tertahan untuk menyokong perniagaan mereka sebelum pandemik. Dapatan daripada Tinjauan Kewangan PKS 2018 oleh BNM menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat menggunakan wang tunai sendiri dan perolehan tertahan (62% daripada responden), manakala sekitar satu pertiga mempunyai hutang dengan institusi kewangan (termasuk institusi pembiayaan mikro).

Rajah 1.14: Sektor Perniagaan – Nisbah Kredit PKS kepada Nilai Tambahan PKS KDNK



Nota: Penurunan yang dicatatkan pada 2018 dan 2019 sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan, di mana jumlah bersih sebanyak RM60.4 bilion daripada pinjaman terkumpul PKS dikelaskan semula sebagai pinjaman terkumpul bukan PKS

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

memainkan peranan penting dalam menyokong pemulihan ekonomi. Bagi tujuan ini, sokongan pembiayaan dalam bentuk Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin (Danajamin PRIHATIN Guarantee Scheme, DPGS) serta jaminan kredit oleh CGC dan SJPP terus tersedia untuk perniagaan. Bank juga telah meningkatkan peruntukan bagi pelbagai kemudahan di bawah dana-dana Bank untuk PKS dan memberikan lebih banyak fleksibiliti di bawah Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (Targeted Relief and Recovery Facility, TRRF) dan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing, PTF) untuk membolehkan PKS membiayai semula hutang sedia ada dengan kos yang lebih rendah sambil mendapatkan dana baharu.[24] Langkah-langkah bantuan tambahan yang diperkenalkan dalam pakej bantuan PEMERKASA+ dan PEMULIH, termasuk subsidi gaji yang dilanjutkan, insentif cukai dan geran kerajaan juga dijangka memberikan sokongan tambahan kepada perniagaan. Bagi perniagaan yang terus menghadapi kesukaran dalam memenuhi obligasi hutang mereka, bank-bank tetap berada pada kedudukan yang baik untuk memberikan bantuan bayaran balik pinjaman yang berterusan yang bersesuaian dengan keadaan tertentu peminjam. Keadaan ini terus dilengkapi oleh pelbagai platform yang tersedia untuk memudahkan penyelesaian hutang dengan para pemiutang secara berkesan dan tepat pada masanya.[25] Apabila ekonomi semakin pulih, lebih banyak perniagaan berupaya menyambung semula bayaran balik hutang mereka. Hal ini juga akan meningkatkan lagi kesanggupan bank-bank mengambil risiko untuk memberikan pinjaman baharu, terutamanya kepada PKS.

[24] Fleksibiliti ini berkuat kuasa mulai 5 Julai 2021, dengan ciri-ciri yang berikut: i) Pembiayaan semula dibenarkan sehingga 50% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan untuk PTF dan sehingga 30% untuk TRRF; dan ii) Bukan untuk membiayai semula pembiayaan perniagaan sedia ada di bawah Dana BNM untuk PKS.

[25] Rujuk Rencana Maklumat 'Mekanisme Penyelesaian Hutang bagi Perniagaan Berdaya Maju yang Menghadapi Kesukaran Kewangan Sementara' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua Tahun 2020 untuk perincian lebih lanjut.

Kebanyakan peminjam isi rumah kekal berdaya tahan dengan adanya langkah-langkah sokongan dasar yang menyediakan penampan tambahan kepada isi rumah yang menghadapi tahap tekanan kewangan yang lebih tinggi

Pertumbuhan hutang isi rumah[26] secara amnya mampan pada akhir bulan Jun 2021, iaitu sebanyak 5.5% (Disember 2020: 5.5%) berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas walaupun lebih banyak peminjam menyambung kembali pembayaran pinjaman selepas tempoh moratorium pinjaman berakhir. Walau bagaimanapun, trend suku tahunan menunjukkan pertumbuhan hutang isi rumah semakin sederhana sepanjang tempoh tersebut. Hal ini disebabkan oleh respons yang menggalakkan terhadap pemberian pelbagai insentif pemilikan rumah dan pembelian kereta pada separuh kedua tahun 2020 semakin berkurang (Rajah 1.15). Pembiayaan peribadi dan pinjaman kad kredit turut menurun apabila perbelanjaan pengguna terjejas akibat sekatan pergerakan. Pada peringkat agregat, hampir tiada tanda-tanda penurunan leveraj yang pantas oleh isi rumah, yang mencerminkan bahawa banyak isi rumah terus mempunyai keupayaan kewangan untuk menanggung hutang baharu. Pinjaman yang diberikan oleh bank kepada isi rumah juga stabil (meningkat 5.2% tahun ke tahun; Disember 2020: 5%), khususnya untuk pinjaman bercagar, dalam keadaan prospek risiko kredit yang lebih berhati-hati. Kira-kira 70% pengeluaran pinjaman sistem perbankan baharu[27] pada separuh pertama tahun 2021 terus disalurkan kepada peminjam berpendapatan sederhana dan tinggi yang lebih berupaya untuk menanggung hutang baharu, dengan 40% dan 20% daripada jumlah pengeluaran pinjaman baharu masing-masing untuk pembelian harta tanah kediaman dan kereta. Yang penting, pemberian pinjaman terus disokong oleh standard pengunderaitan yang mantap, dengan nisbah khidmat hutang pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan yang terkumpul kekal pada tahap berhemat, masing-masing sebanyak 41% dan 35% (Disember 2020: 43% dan 35%). Bahagian peminjam dengan nisbah khidmat hutang melebihi 60% juga kekal kira-kira satu perempat daripada jumlah peminjam isi rumah (24%; Disember 2020: 25%). Sebahagian besar (66%) hutang peminjam ini dikaitkan dengan kumpulan berpendapatan sederhana dan tinggi yang lebih berkemungkinan mampu menghadapi kejutan kewangan. Nisbah keseluruhan hutang isi rumah berbanding dengan KDNK berkurang kepada 89.6% tetapi masih tinggi dalam keadaan pemulihan KDNK nominal yang lembap (Rajah 1.16).

Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Suku Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

[26] Diberikan oleh bank dan juga institusi kewangan bukan bank.

[27] Tidak termasuk kad kredit.

Risiko dalam sektor isi rumah terhad kepada segmen yang kecil tetapi amat tertekan

Aset kewangan isi rumah mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 5.4% pada bulan Jun 2021 (Disember 2020: 7.2%) (Rajah 1.17). Namun begitu, dari segi tahap, aset kewangan agregat menguncup antara bulan Disember 2020 hingga Jun 2021 sebanyak RM3 bilion, sebahagian besarnya didorong oleh simpanan persaraan keseluruhan yang jauh lebih rendah disebabkan oleh program i-Sinar dan i-Lestari.[28] Dalam tempoh lebih panjang, pengeluaran simpanan seperti ini boleh menambahkan lagi kesukaran yang akan ditanggung oleh sesetengah isi rumah yang berkemungkinan tidak mempunyai tabungan persaraan yang mencukupi.[29] Walau bagaimanapun, dalam tempoh jangka pendek, fleksibiliti yang diberikan kepada isi rumah untuk mengeluarkan simpanan persaraan mereka lebih awal telah menyediakan sumber dana tambahan bagi membantu mereka mengatasi kekangan kewangan semasa. Simulasi konservatif[30] yang dijalankan oleh Bank menunjukkan bahawa jika diandaikan berlaku kejutan pendapatan dan pengangguran, bahagian peminjam yang perlu mengeluarkan simpanan sedia ada bagi memenuhi obligasi hutang dan perbelanjaan sara hidup mereka untuk 18 bulan yang akan datang adalah secara relatif sederhana, iaitu antara 11% hingga 15% daripada peminjam.[31] Dalam kalangan peminjam ini, mereka yang lebih berkemungkinan menghabiskan penampan tunai atau deposit, dan seterusnya paling terdedah kepada risiko, dianggarkan membentuk bahagian yang jauh lebih kecil (1.9%) daripada peminjam isi rumah. Kira-kira dua pertiga (65%) daripada peminjam yang terdedah kepada risiko ini terdiri daripada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan. Kumpulan peminjam ini juga mempunyai kadar hutang yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan pendapatan lain sebelum pandemik COVID-19. Dedahan bank kepada peminjam yang paling mudah terjejas ini dianggarkan mencakupi hanya 1.3% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Oleh itu, sebahagian besar peminjam isi rumah dianggap mempunyai penampan kewangan yang mencukupi dan kekal berdaya tahan, dengan langkah-langkah bantuan dasar menyediakan rizab tambahan bagi menghadapi kejutan yang mungkin berlaku. Hal ini juga mencerminkan penilaian kemampuan yang lebih mantap, yang dikendalikan oleh bank-bank sejak beberapa tahun yang lalu berikutan pelaksanaan standard pemberian pinjaman yang bertanggungjawab oleh Bank pada tahun 2012.

Rajah 1.17: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Aset Kewangan Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

[28] Di bawah program i-Sinar dan i-Lestari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), individu boleh mengeluarkan sebahagian daripada tabungan persaraan mereka.

[29] Berdasarkan kajian oleh KWSP, dua daripada tiga pencarum KWSP yang aktif diunjurkan tidak mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pencen minimum sebanyak RM1,000 sebulan. Untuk mendapatkan butiran lanjut, sila rujuk 'Social Protection Insight' Volume 3 (2018) KWSP.

[30] Rujuk Rencana Maklumat tentang 'Meramal Masa Mungkir Isi Rumah' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM Separuh Pertama 2020 untuk mendapatkan butiran lanjut mengenai metodologi.

[31] Anggaran ini tidak mengambil kira impak mana-mana langkah dasar bagi melancarkan aliran tunai peminjam, seperti program bantuan bayaran balik pinjaman selepas suku pertama tahun 2021, pindahan tunai daripada Kerajaan, atau pengeluaran dana persaraan. Simulasi pengeluaran penampan bermula dari suku kedua tahun 2020.

Perkembangan Pasaran Harta Tanah Kediaman

Pada separuh pertama tahun 2021, transaksi perumahan adalah lebih perlahan berbanding dengan separuh kedua tahun 2020 berikutan redanya kesan respons positif terhadap pelbagai insentif pemilikan rumah yang diperkenalkan oleh Kerajaan (Rajah 1.18). Sekatan pergerakan yang kembali dilaksanakan dan kesukaran operasi berikutan penularan semula kes COVID-19 juga menjejaskan aktiviti pasaran pada suku kedua. Walaupun aktiviti menjadi sederhana, nilai purata transaksi meningkat pada kadar yang lebih kukuh. Peningkatan ini disokong oleh transaksi bagi harta tanah berharga kurang daripada RM500,000 yang mencakupi lebih 80% daripada transaksi perumahan. Transaksi perumahan pada tempoh tersebut juga terus meningkat disebabkan oleh pembelian rumah lebih awal berikutan jangkaan bahawa Kempen Pemilikan Rumah akan tamat pada akhir bulan Mei 2021.[32] Permintaan untuk pembiayaan telah pulih melebihi tahap sebelum pandemik, dengan permohonan pinjaman perumahan meningkat merentas kebanyakan segmen harga berbanding dengan separuh kedua tahun 2020 (Rajah 1.19). Secara keseluruhan, kadar kelulusan juga telah kembali pulih dan menghampiri tahap yang dicatatkan sebelum pandemik (kadar kelulusan keseluruhan pada ST1 2021: 73.2%; 2020: 71.5%; purata tahun 2013-2019: 75.5%), kecuali harta tanah berharga melebihi RM1 juta yang kadar kelulusannya masih mencerminkan bank-bank mengambil risiko secara lebih berhati-hati.

Selaras dengan aktiviti pasaran yang lebih perlahan, bilangan rumah tidak terjual meningkat kepada 181,460 unit pada suku kedua 2021 (S4 2020: 167,104 unit), dan sebahagian besarnya didorong oleh rumah yang berharga lebih daripada RM300,000 dan pangsapuri berperkhidmatan (*serviced apartments*) yang sedang dibina. Beberapa projek perumahan baharu yang dilancarkan pada suku-suku tahunan sebelumnya yang mencatatkan jualan yang lebih perlahan pada tempoh ini turut menyumbang kepada peningkatan unit yang tidak terjual. Pemerhati pasaran menjangkakan aktiviti akan meningkat berikutan pelonggaran sekatan pergerakan dan kegiatan ekonomi yang pulih secara beransur-ansur seperti yang berlaku pada separuh kedua tahun 2020. Bekalan baharu harta tanah kediaman yang baru dilancarkan dijangka beralih ke arah segmen harga pasaran umum, seperti yang ditunjukkan oleh bahagian yang lebih tinggi bagi harta tanah yang berharga kurang daripada RM500,000 (ST1 2021: 71.6%; purata tahun 2015-2019: bahagian 65.9%). Pelarasan seperti ini akan terus mengurangkan ketidakpadanan penawaran dan permintaan di samping meningkatkan kemampuan untuk memiliki rumah secara keseluruhan. Bersama-sama dengan permintaan yang berterusan dalam kalangan pembeli rumah kali pertama, keadaan ini dijangka mengurangkan risiko pembetulan harga rumah yang ketara. Berdasarkan penerbitan terkini laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (National Property Information Centre, NAPIC) bagi separuh pertama tahun 2021, pertumbuhan harga rumah secara keseluruhan dijangka kekal mendatar pada enam bulan pertama tahun 2021 (anggaran awal pertumbuhan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM): -0.3%),[33] dengan jangkaan pasaran akan pulih menjelang tahun 2022.

Rajah 1.18: Pasaran Harta Tanah – Transaksi Perumahan



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.19: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Permohonan Pinjaman Perumahan Mengikut Harga



Sumber: Bank Negara Malaysia

[32] Kempen Pemilikan Rumah telah dilanjutkan hingga 31 Disember 2021 di bawah pakej bantuan PEMERKASA+ oleh Kerajaan.

[33] Anggaran dibuat berasaskan purata pertumbuhan IHRM bagi S1 dan S2 2021. Walau bagaimanapun, penting dinyatakan bahawa berdasarkan trend yang dicatatkan sebelum ini, anggaran akhir IHRM mungkin akan dinaikkan untuk mencerminkan penghantaran data tambahan bagi suku tahun tersebut.

Risiko kepada kedudukan kewangan isi rumah dan potensi kerugian kepada bank akibat dedahan pinjaman perumahan kekal terurus. Khususnya, risiko daripada pelabur isi rumah[34] dalam pasaran perumahan masih terkawal dalam persekitaran kadar faedah yang rendah. Golongan peminjam ini mempunyai kecenderungan mungkir pinjaman yang lebih tinggi sekiranya harga rumah menurun dan mereka berada pada kedudukan ekuiti negatif atau mengalami kerugian daripada pendapatan sewa. Dedahan bank-bank kepada pelabur isi rumah meningkat sedikit daripada paras sebelum pandemik kepada 13.7% daripada pinjaman sistem perbankan keseluruhan (Disember 2020: 13.6%; Disember 2019: 13.3%) (Gambar rajah 1.1). Namun demikian, kadar pertumbuhan tahunan dedahan pinjaman perumahan bank kepada pemilik rumah yang menduduki harta tanah masih mengatasi dedahan kepada pelabur isi rumah (masing-masing 8.4% dan 5.2%; Disember 2020: 8.7% dan 5%). Setakat ini, pelabur isi rumah sebahagian besarnya terdiri daripada kalangan individu berpendapatan lebih tinggi yang lazimnya lebih mampu bertahan sekiranya berlaku kejutan pendapatan. Nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) purata bagi pinjaman perumahan terkumpul oleh pelabur isi rumah juga secara relatif kekal rendah dan stabil (54.8%; Disember 2020: 54.9%), sekali gus mengekalkan penampan yang lebih daripada mencukupi terhadap penurunan harga rumah yang mungkin berlaku.

Berdasarkan data bantuan bayaran balik pinjaman, terdapat kelompok pelabur isi rumah yang mengalami cabaran untuk membayar balik hutang mereka. Namun, risiko kepada bank yang berpunca daripada peminjam seperti ini dianggap sebagai rendah. Hal ini disebabkan oleh bahagian kecil pelabur yang berada pada kedudukan ekuiti negatif, iaitu kurang 1% daripada jumlah pinjaman perumahan. Walaupun terdapat kadar faedah yang rendah, langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada dipercayai telah memperkukuh amalan pemberian pinjaman yang berhemat dalam kalangan bank dan mengurangkan kenaikan mendadak harga harta tanah kediaman yang didorong oleh kredit, sebagaimana yang dialami di beberapa negara lain. Sebarang penyesuaian yang dilakukan kepada langkah-langkah kehematan makro akan mengambil kira penilaian keseluruhan Bank terhadap risiko kepada daya tahan isi rumah dan kesan terhadap kestabilan kewangan.

Gambar Rajah 1.1: Sektor Isi Rumah – Statistik Utama Mengenai Pelabur Perumahan Individu



Nota: (...) merujuk kedudukan pada akhir Disember 2020

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bantuan bayaran balik pinjaman oleh bank terus memberikan sokongan kepada peminjam isi rumah yang menghadapi tekanan, sekali gus mengelakkan kedudukan kewangan mereka daripada menjadi lebih teruk. Hal ini seterusnya dapat mengelakkan ekonomi dan sistem kewangan daripada menjadi semakin terjejas. Pada akhir bulan Jun 2021, sebanyak 12.8% daripada akaun pinjaman isi rumah, atau 16% daripada dedahan pinjaman isi rumah terkumpul berada dalam pelan bantuan bayaran balik pinjaman[35] (Disember 2020: masing-masing 8.9% dan 11.1%). Peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan mencakupi dua pertiga daripada akaun pinjaman ini. Walaupun akses kepada bantuan bayaran balik pinjaman menyokong keupayaan peminjam untuk membayar balik hutang buat sementara waktu, pemulihan ekonomi yang lebih mantap masih menjadi faktor penting dalam pemulihan kekukuhan kewangan peminjam dalam jangka lebih panjang. Beberapa tanda positif awal telah dicatatkan apabila jumlah bahagian akaun isi rumah yang menerima bantuan bayaran balik pinjaman mula menurun antara bulan Februari (11.5%) hingga Mei (10.6%), sejurus sebelum PKP Penuh dikenakan (Rajah 1.20). Selain itu, terdapat anjakan yang ketara ke arah pelan pengurangan bayaran ansuran, apabila sesetengah peminjam yang dahulunya memilih moratorium pinjaman kembali berupaya untuk membayar balik sebahagian hutang mereka. Sehubungan dengan itu, bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan oleh bank sebagai Tahap 2[36] adalah lebih rendah, iaitu sebanyak 6.9% (Disember 2020: 7.3%).

[34] Dalam konteks ini, pelabur isi rumah ditakrifkan sebagai peminjam individu yang mempunyai lebih daripada satu pinjaman perumahan.

[35] Sama ada dalam bentuk moratorium bayaran balik pinjaman atau syarat bayaran ansuran yang dikurangkan. Angka-angka adalah berdasarkan permohonan bantuan bayaran balik pinjaman yang telah diluluskan oleh bank dan selanjutnya diterima oleh pelanggan.

[36] Merujuk pinjaman yang menunjukkan peningkatan risiko kredit yang ketara di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

Rajah 1.20: Sektor Isi Rumah – Akaun di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.21: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Delinkuen dalam Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Peralihan kepada bantuan bayaran balik pinjaman secara lebih bersasar sepanjang tempoh ini tidak diiringi kemerosotan ketara kualiti aset isi rumah (Rajah 1.21). Walau bagaimanapun, langkah-langkah sekatan pergerakan baharu yang diikuti bantuan bayaran balik pinjaman selanjutnya oleh bank pada bulan Jun dan Julai[37] untuk kekal menyokong peminjam terus mengaburi tahap sebenar pinjaman terjejas yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

Pada penghujung bulan Julai 2021, bahagian akaun pinjaman isi rumah dan dedahan di bawah bantuan bayaran balik pinjaman masing-masing melonjak kepada 25.4% dan 30% daripada jumlah akaun isi rumah dan dedahan pinjaman. Permohonan untuk moratorium terkini berada pada paras tertinggi pada separuh pertama bulan Julai, dan selepas itu permohonan mingguan berkurang secara mendadak. Peminjam yang memilih pakej bantuan terkini meliputi semua kumpulan pendapatan (Rajah 1.22). Hal ini, bersama-sama dengan kriteria kelayakan yang lebih fleksibel[38] untuk mendapatkan bantuan, menunjukkan bahawa peningkatan baru-baru ini dalam akaun yang menerima bantuan bayaran balik pinjaman bukan didorong oleh peminjam yang mengalami tekanan semata-mata. Beberapa tinjauan yang dijalankan oleh Bank baru-baru ini[39] serta hasil pemerhatian anekdot menunjukkan bahawa kira-kira sepertiga peminjam yang memohon bantuan bayaran balik pinjaman, menggunakan bantuan ini sebahagiannya untuk membina penampan berjaga-jaga, dan sebahagian yang lebih kecil, untuk pelaburan dalam pasaran ekuiti. Para peminjam ini dijangka kurang menghadapi kesukaran untuk menyambung kembali bayaran balik pinjaman mereka apabila bantuan bayaran balik pinjaman semasa ini tamat. Bahagian akaun yang dikaitkan dengan peminjam yang mengalami tekanan buat sementara waktu di bawah pelan bantuan bayaran balik pinjaman juga dijangka lama-kelamaan akan mengecil apabila keadaan ekonomi bertambah baik, seperti yang dicatatkan antara bulan Februari hingga bulan Mei tahun ini. Potensi kerugian kredit yang mungkin berlaku dinilai sebagai dilindungi secukupnya oleh peruntukan kerugian pinjaman bank (rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan').

Rajah 1.22: Sektor Isi Rumah – Akaun Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Baharu Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[37] Susulan pelaksanaan PKPP pada penghujung suku kedua tahun ini, bank-bank telah mula menawarkan pilihan moratorium pinjaman 6 bulan kepada peminjam individu sebagai sebahagian daripada pakej bantuan PEMULIH.

[38] Di bawah pakej bantuan bayaran balik pinjaman terdahulu yang ditawarkan oleh bank-bank, kelulusan secara automatik untuk bantuan telah diberikan kepada peminjam daripada kalangan kumpulan berpendapatan lebih rendah atau yang menghadapi masalah ekonomi.

[39] Tinjauan Sentimen Pengguna BNM dari bulan Disember 2020 hingga bulan Mei 2021.

RISIKO OPERASI

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dari segi operasi dan terus memperkukuh ketersediaan mereka terhadap risiko siber

Institusi kewangan secara relatif pantas membuat penyesuaian terhadap sekatan pergerakan yang lebih ketat pada separuh pertama tahun 2021, berdasarkan pengalaman terdahulu dalam menguruskan cabaran operasi sejak bermulanya pandemik. Tiada gangguan utama operasi dicatatkan pada peringkat sistem keseluruhan, dengan kerugian risiko operasi menurun sebanyak 18.7% kepada RM118.1 juta berbanding dengan separuh pertama tahun 2020. Walau bagaimanapun, institusi kewangan terus meningkatkan tahap kewaspadaan terhadap potensi risiko gangguan teknologi maklumat (*information technology*, IT) dan serangan siber. Keupayaan pengesanan dan pemulihan yang lebih kukuh yang dibangunkan oleh institusi kewangan telah berjaya mencegah sebarang gangguan pada peringkat seluruh sistem yang disebabkan oleh IT dan insiden siber pada tempoh tersebut. Institusi kewangan juga telah memperkukuh kawalan terhadap projek-projek penambahbaikan IT bagi meminimumkan kegagalan IT akibat ralat pemprosesan. Yang penting, usaha berterusan untuk mempertingkatkan dan mengekalkan amalan baik keselamatan siber (*cyber hygiene*) terus menjadi keutamaan. Penambahbaikan berterusan terhadap pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plan*, BCP) dan pelan pemulihan bencana (*disaster recovery plan*, DRP) institusi kewangan dengan mengambil kira pengaturan kerja jarak jauh juga telah meningkatkan kesiapsiagaan institusi kewangan dalam menghadapi krisis.

Pelbagai kerjasama yang dilaksanakan pada peringkat industri, negara dan serantau terus menyokong keupayaan sektor kewangan untuk mengesan dan bertindak balas dengan pantas terhadap ancaman siber, lantas memastikan penyediaan perkhidmatan kewangan penting tidak terganggu (Gambar Rajah 1.2). Pengaturan ini telah ditingkatkan lagi apabila Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform, FinTIP)[40] mula beroperasi pada bulan September 2021. Keahlian Kumpulan Kerja Siber (Cyber Working Group, CWG) yang ditubuhkan oleh Bank juga telah berkembang untuk merangkumi dua institusi kewangan tambahan pada tahun 2021, menjadikan jumlahnya sebanyak 11 ahli. CWG terus memainkan peranan aktif dalam memastikan proses komunikasi berjalan dengan lancar dan pantas antara ahli mengenai ancaman siber yang baru timbul serta interaksi dan perbincangan mengenai inisiatif untuk mengekalkan tahap ketersediaan pertahanan siber yang kukuh. Pada peringkat serantau, Bank terus memanfaatkan Cybersecurity Resilience and Information Sharing Platform (CRISP) untuk bertukar-tukar maklumat dalam kalangan bank-bank pusat ASEAN.

Serangan perisian tebusan (*ransomware*) dan kelemahan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third party service provider*, TPSP) telah menjadi tumpuan utama dalam pengukuhan dasar dalaman institusi kewangan, dan juga merupakan sumber risiko yang telah mendapat perhatian Bank. Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, serangan perisian tebusan yang berlaku sekali-sekala menyebabkan beberapa gangguan kepada operasi perniagaan dua institusi kewangan, namun serangan tersebut dapat dibendung dengan berkesan. Risiko yang berkaitan dengan penggunaan TPSP juga telah meningkat dengan ketara bagi sesetengah institusi kewangan yang sangat bergantung pada perkhidmatan pihak ketiga akibat pelarasan operasi yang dibuat sebagai tindak balas kepada pandemik. Risiko ini termasuklah TPSP yang mungkin tidak dapat memenuhi perjanjian tahap perkhidmatan (*service level agreement*) disebabkan oleh sekatan operasi yang dikenakan di bawah perintah kawalan pergerakan yang dilanjutkan; infrastruktur IT TPSP yang tidak dilindungi secukupnya daripada kegagalan IT dan ancaman siber; serta BCP dan DRP TPSP yang lemah dan boleh menghalang keupayaan mereka untuk menyokong institusi kewangan secara berkesan semasa krisis.

Pihak Bank sedang memantau dengan teliti langkah-langkah yang diambil oleh institusi kewangan untuk menguruskan risiko-risiko ini. Institusi kewangan telah mempergiat usaha untuk mengkaji semula secara berkala kawalan risiko dan kemampanan kewangan TPSP bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan. Langkah-langkah ini termasuk

[40] Rujuk Rencana Maklumat 'Pembentukan Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (FinTIP)' untuk maklumat lanjut mengenai FinTIP.

Gambar Rajah 1.2: Pengaturan Industri untuk Menyokong Pengesanan dan Tindak Balas Terhadap Ancaman Siber



Sumber: Bank Negara Malaysia

melakukan kajian semula yang khusus terhadap BCP TPSP. Beberapa institusi kewangan juga telah menambah baik struktur fi yang terikat dengan perjanjian tahap perkhidmatan untuk menyelaraskan dengan lebih baik kawalan risiko dan kualiti perkhidmatan yang disampaikan oleh TPSP. Institusi kewangan juga sedang memperkukuh strategi tindak balas mereka untuk menguruskan potensi gangguan kepada perkhidmatan TPSP dengan mengambil kira ketiadaan perkhidmatan TPSP secara tiba-tiba sebagai sebahagian daripada ujian BCP dan pelan kontingensi institusi kewangan itu sendiri.

Tumpuan institusi kewangan pada TPSP tertentu, dan risiko penularan yang berkaitan dengan kesalinghubungan antara TPSP dengan sistem kewangan boleh menimbulkan risiko sistemik. Memandangkan lebih banyak perkhidmatan yang sedang beralih kepada platform digital yang disokong oleh pihak ketiga, terdapat keperluan untuk memastikan risiko tersebut dapat dikenal pasti dan dimaklumkan dengan lebih berkesan pada peringkat institusi dan sistem. Perkara ini memerlukan institusi kewangan membuat padanan kesalinghubungan mereka secara menyeluruh dengan penyedia perkhidmatan dalam seluruh rantaian nilai (secara fizikal dan secara maya). Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti dan memantau risiko tumpuan dan penularan. Seterusnya, langkah ini boleh dibangunkan untuk membentuk peta penularan siber (*cyber contagion map*) pada peringkat seluruh sistem bagi memberikan gambaran agregat mengenai kesalingbergantungan dan kesalinghubungan yang berkaitan antara komponen IT asas, TPSP yang menyokong sistem kewangan, dan rangkaian kewangan. Dapatan daripada penilaian ini dijangka dapat memberikan lebih banyak maklumat untuk latihan simulasi krisis, pengurangan risiko dan pelaksanaan BCP sektor kewangan pada masa hadapan.

Semenjak pengaturan kerja yang fleksibel dan dari jarak jauh menjadi kelaziman, Bank juga telah meningkatkan tumpuannya terhadap kecukupan kawalan institusi kewangan. Tindakan ini bertujuan

melindungi data sulit memandangkan penggunaan platform dan peranti yang tidak dilindungi boleh menimbulkan risiko keselamatan IT yang ketara ketika menjalankan tugas harian. Secara amnya, syarat untuk mengakses data sulit dan aplikasi kritikal secara jarak jauh terus menjadi salah satu pertimbangan keselamatan yang utama. Bagi kebanyakan institusi kewangan, akses sedemikian tertakluk pada takrifan keadaan yang terhad dengan perlindungan keselamatan siber yang telah dipertingkatkan. Misalnya, hampir kesemua institusi kewangan telah menggunakan alat pencegahan kehilangan data, mewujudkan tindak balas dan strategi pemulihan yang jelas untuk mengehadkan kesan sebarang pencerobohan data, dan menguatkuasakan akses pengguna yang terhad kepada data sulit. Institusi kewangan dikehendaki menilai semula kecukupan kawalan ini secara berterusan sejajar dengan prospek untuk mengekalkan pengaturan kerja yang fleksibel dan dari jarak jauh untuk tempoh yang lebih lama daripada jangkaan, atau menerapkan perubahan yang kekal dalam operasi perniagaan mereka akibat pandemik.

Sistem pembayaran dan penyelesaian terus berdaya tahan dari segi operasi

Kedua-dua Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS)[41] dan sistem pembayaran runcit (*retail payment systems*, RPS) terus mengekalkan ketersediaan sistem yang tinggi, tanpa sebarang insiden atau gangguan besar terhadap perkhidmatan. Langkah-langkah BCP yang mantap seperti pembahagian operasi, tahap lewahan (*redundancy*) yang tinggi, dan pasukan sandaran telah menyokong kelancaran operasi sistem pembayaran. Bank juga membuat penilaian terhadap RPS yang mendorong pengendali sistem pembayaran bertindak bagi mengukuhkan lagi langkah kawalan yang akan meningkatkan daya tahan siber RPS. Perkara ini termasuklah langkah-langkah meningkatkan sumber khusus untuk menguruskan operasi keselamatan siber, memperkukuh sistem pemantauan dan kawalan, dan meningkatkan teknik dan metodologi ujian keselamatan. Pelancaran jalinan pembayaran QR dengan PromptPay[42] pada bulan Jun 2021 membolehkan pembayaran kod QR rentas sempadan secara masa nyata dilaksanakan di Malaysia dan Thailand. Langkah pengurusan risiko yang teguh juga diselaraskan antara Bank dengan Bank of Thailand bagi memastikan rangkaian pembayaran rentas sempadan yang kukuh dan selamat.

Memandangkan urus niaga pembayaran masa nyata terus berkembang dengan pantas, risiko kredit dan penyelesaian yang berkaitan dengan beberapa RPS yang diselesaikan atas dasar penyelesaian bersih tertunda (*deferred net settlement*, DNS) telah meningkat. Bagi melindungi institusi kewangan daripada risiko penyelesaian, Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) sedang berusaha untuk menyediakan pengaturan pencagaran (*collateralisation arrangements*) untuk DNS pada Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP), Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX), MyDebit dan Rangkaian ATM Bersama (Shared ATM Network, SAN) menjelang akhir tahun 2021. Di bawah pengaturan tersebut, peserta dalam sistem ini dikehendaki memperuntukkan wang tunai dan/atau sekuriti sebagai cagaran bagi memenuhi obligasi penyelesaian mereka.

Pada 1 Julai 2021, Bank telah mengambil alih operasi RENTAS daripada PayNet sebagai sebahagian daripada rancangan untuk mengukuhkan lagi pengurusan risiko RENTAS secara menyeluruh. Pemindahan tersebut diselesaikan dengan lancar tanpa gangguan operasi. Pemindahan ini akan mengurangkan risiko integrasi dan penyelarasan antara Bank dengan PayNet kerana Bank kini akan memiliki, mengendali dan menyediakan sokongan teknologi dan infrastruktur kepada sistem itu. Sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa, pengaturan tadbir urus yang jelas dan telus telah dikekalkan susulan pemindahan tersebut. Yang nyata, tanggungjawab Bank untuk pengawasan dan pengawalseliaan terhadap infrastruktur pasaran kewangan utama, termasuk RENTAS, dan peranannya sebagai pengendali RENTAS juga akan terus diasingkan dengan jelas dalam struktur organisasi Bank. Satu jawatankuasa pengurusan khusus juga telah ditubuhkan untuk menyelia operasi, pembangunan dan pengurusan risiko RENTAS. Jawatankuasa ini termasuk empat wakil luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan dalam bidang IT serta teknologi kewangan (*financial technology*, FinTech) dan ekosistem pembayaran.

[41] RENTAS ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip.

[42] PromptPay merupakan sistem pembayaran runcit masa nyata di Thailand yang memudahkan pembayaran dan pemindahan dana melalui saluran elektronik (contohnya, perbankan internet, perbankan mudah alih dan ATM).

Pembentukan Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (FinTIP)

Serangan siber boleh menimbulkan risiko yang besar terhadap kestabilan kewangan dengan industri kewangan dijangka menghadapi peningkatan ancaman dari segi kekerapan, kecanggihan dan skop. Perkembangan ini bukan hanya berlaku di Malaysia. Pada peringkat global, terdapat peningkatan jumlah serangan siber yang telah menjejaskan operasi perniagaan utama. Yang penting, sebahagiannya dirancang oleh pelaku ancaman menggunakan taktik canggih untuk mengeksploitasi bilangan laluan masuk (*entry points*) rangkaian dan sistem institusi kewangan. Hal ini berlaku disebabkan oleh penerapan sistem yang boleh diakses melalui Internet (*Internet-facing*) serta pendigitalan perkhidmatan kewangan yang pesat. Pelaku ancaman ini beroperasi dalam ekosistem rahsia yang aktif untuk berkongsi maklumat, menyelaraskan serangan, merekrut penggodam, menjual data yang dicuri (*compromised data*) dan menyediakan perkhidmatan jenayah siber.

Peningkatan jumlah serangan tersebut dan sifatnya yang cukup tersusun memerlukan tindak balas sektor kewangan yang terselaras. Institusi kewangan terus membuat pelaburan besar bagi menyediakan perlindungan IT dan daya tahan siber dalam institusi masing-masing. Namun, satu strategi pihak berkepentingan berbilang dalam seluruh industri untuk mempertahankan sistem kewangan daripada ancaman siber yang lazim diperlukan bagi memperkukuh usaha setiap institusi kewangan. Bagi tujuan ini, Bank telah berusaha mewujudkan platform risikan dan kerjasama ancaman siber untuk industri kewangan. Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform), atau FinTIP, mula beroperasi pada bulan September 2021.

FinTIP akan memperkukuh kerjasama industri dan menggalakkan perkongsian maklumat

FinTIP bertujuan untuk mencapai tiga matlamat utama:

- Melaksanakan penilaian dan penyebaran maklumat secara pantas mengenai ancaman siber yang muncul dan kelemahan IT yang kritikal;
- Menggalakkan perkongsian maklumat dan kerjasama merentas industri melalui platform yang selamat dan dipercayai; dan
- Meningkatkan kesedaran situasi siber bagi membantu proses membuat keputusan yang strategik.

Pelaksanaan FinTIP oleh Bank dapat membantu membina kepercayaan, sekali gus mengurangkan halangan utama terhadap perkongsian maklumat dan kerjasama yang meluas antara institusi kewangan dengan pihak berkepentingan utama yang lain. Pihak berkepentingan dalam sektor awam dan swasta boleh mengambil bahagian dan memberikan sumbangan kepada FinTIP dengan berkongsi maklumat secara sulit mengenai ancaman siber, insiden dan kelemahan IT pada masa hampir nyata (*near real-time*). Pada peringkat kebangsaan, FinTIP berfungsi untuk menghubungkan dan memudahkan pertukaran maklumat rentas sektor antara sektor kewangan dengan sektor ekonomi yang lain, melalui entiti seperti Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (National Cyber Security Agency, NACSA), CyberSecurity Malaysia (CSM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Penilaian dan penyebaran maklumat yang pantas

FinTIP, yang beroperasi secara 24x7x365, akan mengumpulkan, menggabungkan dan menganalisis risikan ancaman siber dan kelemahan IT daripada pelbagai sumber, serta menyebarkan maklumat yang relevan kepada pihak berkepentingan tepat pada masanya (Gambar Rajah 1.3). Platform analisis ini memanfaatkan gabungan algoritma mesin dan kepakaran manusia untuk menghubungkaitkan, menyelaraskan, memperkaya, dan memurnikan data terkumpul untuk menghasilkan risikan yang boleh diambil tindakan pada masa nyata. Institusi kewangan boleh menggunakan maklumat yang disediakan oleh FinTIP untuk tindak balas insiden, operasi keselamatan, pemburuan ancaman, pengurusan kelemahan dan analisis risiko mereka sendiri. Mereka juga boleh mendapatkan perkhidmatan profesional untuk bantuan mengenai pemulihan insiden siber dan analisis ancaman. Gambar Rajah 1.4 menerangkan ciri-ciri penting FinTIP.

Gambar Rajah 1.3: Model Penggunaan FinTIP



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 1.4: Ciri-Ciri FinTIP

Pemantauan landskap ancaman berterusan

Papan pemuka masa nyata – papan pemuka yang boleh diubah suai terdiri daripada pelbagai jenis data dan rajah.

Tahap dedahan – hubungkan inventori aset yang dihantar dengan kelemahan yang diketahui pada masa nyata.

Penanda aras rakan setara – tahap prestasi atau tahap dedahan institusi kewangan ditanda aras dengan rakan setara dalam industri.

Laporan landskap ancaman – muat turun laporan landskap ancaman berkala dengan mudah secara terus daripada portal FinTIP.

Komunikasi dan penyebaran kepada industri

Penyebaran amaran dan khidmat nasihat tepat pada masanya kepada pihak yang berkaitan.

Saluran perbincangan yang dipercayai – untuk memudahkan perkongsian maklumat dan kerjasama dalam organisasi dan industri.

Analisis menyeluruh oleh penganalisis ancaman siber

Analisis perisian hasad dan *shellcode* – permohonan analisis terperinci untuk mengenal pasti dan memahami tingkah laku kod yang mungkin berbahaya dengan memuat naik artifak ke FinTIP.

Sandbox – buka dan uji program atau fail yang tidak dipercayai melalui sandbox FinTIP (persekitaran yang selamat).

Perkongsian risikan ancaman siber setempat

Perkongsian risikan setempat yang selamat – sumber risikan peribadi yang dimuat naik ke FinTIP akan dikumpulkan, dilaraskan dan dibuang identiti sebelum dikongsikan dengan lebih banyak pihak.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Meningkatkan kerjasama industri

FinTIP juga menyediakan platform yang selamat kepada institusi kewangan dan pihak berkepentingan lain merentas industri untuk bertukar-tukar maklumat mengenai langkah-langkah bertahan yang diambil dan iktibar yang dipelajari daripada insiden siber. Sebagai contoh, institusi kewangan boleh mengambil bahagian dalam perbincangan yang diadakan oleh komuniti untuk bekerjasama dan saling belajar daripada pengalaman masing-masing dalam menangani ancaman lazim. Institusi kewangan juga dapat memperoleh pemahaman yang objektif mengenai prestasi risiko siber atau tahap dedahan mereka, yang ditanda aras berdasarkan rakan setara dalam industri.

Meningkatkan kesedaran situasi siber

FinTIP meningkatkan kesedaran situasi siber industri secara keseluruhan dengan memberikan pandangan yang lebih holistik mengenai pelaku ancaman yang menjadikan industri tempatan sebagai sasaran serta membantu institusi kewangan memahami dengan lebih baik tentang taktik, teknik dan prosedur pelaku ancaman. Data terkumpul mengenai ancaman dan kelemahan IT dipadankan dengan aset IT yang digunakan dalam industri untuk memberikan maklumat yang tepat tentang tahap dedahan siber tempatan. Maklumat ini akan membolehkan Bank mengenal pasti kelemahan khusus dan menilai potensi kesan ancaman siber kepada seluruh sistem.

Laporan yang dihasilkan oleh FinTIP bersifat taktikal, operasi dan strategik untuk memenuhi keperluan khalayak yang pelbagai. Pada peringkat taktikal, laporan teknikal memberikan data terperinci mengenai penunjuk ancaman siber yang dapat disepadukan oleh institusi kewangan dalam instrumen keselamatan siber mereka bagi mengenal pasti dan mengurangkan ancaman siber. Pada peringkat operasi, institusi kewangan akan dapat menjejak kempen serangan dan melakukan pemprofilan pelaku ancaman untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai pelaku ancaman yang menjadikan institusi kewangan sebagai sasaran. Hal ini akan membolehkan institusi kewangan memberikan keutamaan dan melaksanakan operasi keselamatan siber yang lebih bersasar. Akhir sekali, pada peringkat strategik, institusi kewangan boleh menggunakan data FinTIP untuk membuat keputusan perniagaan yang bijak dengan lebih memahami cara peristiwa global dan tempatan, serta landskap ancaman yang berubah-ubah dapat mempengaruhi tahap ketersediaan keselamatan siber sesebuah institusi kewangan.

FinTIP melengkapi strategi pertahanan pelbagai lapisan sedia ada

FinTIP mencerminkan perkongsian tanggungjawab untuk keselamatan siber dengan memudahkan pendekatan seluruh industri ke arah meningkatkan daya tahan siber. Penting dinyatakan bahawa FinTIP berfungsi untuk melengkapi dan menambah, dan bukannya menggantikan, perkhidmatan risikan ancaman siber sedia ada dalam institusi itu sendiri. Bank menjangkakan FinTIP akan menyokong perkongsian maklumat dan kerjasama secara lebih mendalam dan lebih pantas yang seterusnya memperkukuh keupayaan tindak balas industri kewangan terhadap ancaman siber yang berubah-ubah dan menjejaskan sistem kewangan.

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

31 Sektor Perbankan
43 Sektor Insurans dan Takaful
53 Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Keadaan mudah tunai dan pendanaan dalam sistem perbankan terus menyokong aktiviti pengantaraan kredit

Keadaan pendanaan dalam sistem perbankan kekal stabil. Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) agregat berada pada 116.4% (Disember 2020: 116%), dengan semua bank memenuhi keperluan minimum NSFR sebanyak 100% sebelum tarikh akhir pematuhan penuh pada 30 September 2021. Deposit sistem perbankan terus meningkat, disokong oleh simpanan berjaga-jaga oleh isi rumah dan perniagaan (Rajah 2.1).[1] Sementara itu, pertumbuhan deposit daripada institusi kewangan bukan bank (IKBB) agak sederhana, mencerminkan pengeluaran oleh institusi-institusi ini, sebahagiannya untuk menyokong pelaksanaan langkah-langkah bantuan Kerajaan.

Memandangkan persekitaran operasi yang tidak menentu, isi rumah, perniagaan dan pengurus dana terus mengekalkan pilihan terhadap deposit yang lebih cair (Rajah 2.2). Tindakan ini menyebabkan kos pendanaan menurun dan seterusnya meningkatkan pendapatan faedah bersih bank-bank (Rajah 2.3). Pada peringkat institusi, peralihan ke arah pendanaan jangka lebih pendek telah menyebabkan pergerakan yang lebih besar dalam kedudukan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[2] bagi sesetengah bank.

Walau bagaimanapun, perkara ini mungkin tidak akan memberikan kesan yang ketara ke atas risiko mudah tunai memandangkan adanya penampan

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Mengikut Jenis



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Pertumbuhan simpanan isi rumah dan perniagaan yang sederhana sejak bulan April 2021 disebabkan terutamanya oleh kesan asas, apabila moratorium pinjaman automatik secara menyeluruh menyebabkan lonjakan dalam pertumbuhan deposit daripada pemegangan tunai berjaga-jaga pada suku kedua tahun 2020.

[2] Penurunan LCR yang ketara pada bulan Mei 2021 disebabkan terutamanya oleh deposit yang akan matang daripada pengurus-pengurus dana disebabkan oleh jangkaan tamatnya tempoh pengecualian cukai pendapatan sedia ada untuk pelabur korporat atas faedah atau keuntungan yang diperoleh daripada dana pasaran wang. Pengecualian cukai tersebut telah dilanjutkan hingga bulan Januari 2022, yang menyebabkan pelanjutan sebahagian besar deposit dan peningkatan LCR pada bulan Jun 2021.

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata dan Kos Dana Purata



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Sumber: Bank Negara Malaysia

mudah tunai yang lebih daripada mencukupi yang dipegang oleh bank-bank (Rajah 2.4). Bank-bank juga terus menguruskan lebihan penampan mudah tunai melebihi sasaran LCR dalaman dengan lebih cekap, dalam usaha meningkatkan perolehan berikutan jangkaan pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan. Semua bank terus mencatatkan LCR melebihi 100%, dengan peningkatan pemegangan aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA). Yang jelas, pemegangan bon kerajaan oleh bank-bank meningkat sebanyak RM22 bilion sejak bulan Disember 2020 (ST2 2020: -RM1 bilion), seterusnya memberikan sokongan kepada pendapatan faedah dalam keadaan pertumbuhan pinjaman yang lembap.

Melangkah ke hadapan, keadaan pendanaan keseluruhan dijangka terus menyokong aktiviti pengantaraan. Sesetengah bank mungkin mengalami peningkatan pengeluaran deposit oleh individu dan syarikat yang lebih teruk terjejas disebabkan oleh pelaksanaan PKP Penuh. Pemberian bantuan bayaran balik menerusi pakej PEMULIH yang meningkat dengan ketara, di samping pengeluaran oleh syarikat awam bukan bank untuk menyokong langkah-langkah bantuan tambahan juga boleh meningkatkan tekanan mudah tunai bagi bank-bank tertentu. Aliran keluar yang tinggi oleh bukan pemastautin boleh memburukkan lagi risiko ini. Namun, seperti yang dinyatakan sebelum ini, kedudukan mudah tunai bank-bank dijangka kekal berdaya tahan terhadap tekanan sedemikian. Berdasarkan ujian simulasi konservatif yang dijalankan oleh Bank yang mengambil kira kesan daripada berlakunya risiko-risiko ini secara serentak, di samping pengeluaran kemudahan kredit belum guna oleh perniagaan, kedudukan mudah tunai bank-bank kekal berdaya tahan. Bank-bank juga terus mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang mantap dan mempunyai fleksibiliti tambahan untuk menggunakan penampan mudah tunai, jika perlu, bagi mengekalkan sokongan terhadap aktiviti pemberian pinjaman. Ketersediaan fleksibiliti Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) hingga akhir tahun 2022 akan terus menyokong keupayaan bank-bank untuk menangani potensi tekanan mudah tunai.

Risiko daripada dedahan hutang luar negeri bank-bank kekal terurus

Hutang luar negeri sistem perbankan meningkat sedikit pada separuh pertama tahun 2021 (RM341.4 bilion; Disember 2020: RM337.2 bilion) (Rajah 2.5). Nilai ringgit yang lebih lemah berbanding dengan mata wang asing (*foreign currency*, FCY) utama dan serantau yang terpilih pada tempoh ini sebahagiannya telah menyumbang kepada peningkatan hutang luar negeri. Tahap hutang luar negeri adalah ketara lebih tinggi pada suku pertama tahun 2021, didorong terutamanya oleh transaksi dalam kumpulan yang lebih tinggi oleh bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC). Sebahagian besar pinjaman ini disalurkan untuk menyokong transaksi pembiayaan dengan pelanggan bukan pemastautin, selaras dengan peranan aktif mereka untuk memudahkan transaksi FCY yang diatur dan diuruskan oleh ibu pejabat. Risiko berkaitan dengan dedahan ini

dinilai rendah, dengan pendanaan dalam kumpulan dicatatkan hampir sepadan dengan pembiayaan yang diberikan dari segi jumlah, mata wang dan tempoh. Peminjaman antara bank yang lebih tinggi oleh segelintir kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBG) sebagai sebahagian daripada operasi pengurusan mudah tunai berpusat mereka turut menyumbang kepada peningkatan hutang luar negeri agregat bank-bank. Trend ini beralih arah pada suku kedua tahun 2021 dengan jumlah hutang luar negeri bank-bank sebagai bahagian daripada jumlah pendanaan kekal rendah dan sejajar dengan purata sebanyak 7.7% yang pernah dicatatkan sebelum ini.

Rajah 2.5: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Rajah 2.6: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Jenis Dedahan dan Instrumen



Rajah 2.7: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Nota: 1. Hutang luar negeri bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, bank asing yang diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign banks*, LIFB) dan bank-bank di LIBFC.
2. Sistem perbankan atau bank dalam pesisir merujuk hanya DBG dan LIFB
3. Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang *(unencumbered)* dan penempatan antara bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko keseluruhan daripada dedahan hutang luar negeri bank-bank juga terus dikurangkan oleh sebilangan faktor yang kekal konsisten. Hampir 60% daripada jumlah hutang luar negeri sistem perbankan terdiri daripada dedahan dalam kumpulan yang stabil dan sekuriti hutang jangka panjang, yang kurang terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba dan risiko pelanjutan (Rajah 2.6). Kira-kira 20% daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit, yang tidak terjejas berikutan perubahan penilaian yang disebabkan oleh pergerakan mata wang. Selain itu, bank-bank terus mengekalkan aset mudah tunai FCY yang besar, berjumlah RM170.5 bilion, cukup untuk menampung sehingga 3.1 kali tahap semasa hutang luar negeri FCY berisiko (Rajah 2.7).[3] Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position*, FX NOP) bank-bank juga menurun kepada 4.7% (Disember 2020: 5.2%) daripada jumlah modal bank-bank (Rajah 2.8). Penurunan ini mencerminkan kesanggupan bank-bank mengambil risiko yang berkurang berikutan ketidakpastian yang muncul semula berhubung dengan prospek ekonomi dan pasaran dalam tempoh tersebut.

[3] 'Hutang luar negeri berisiko' bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan, yang dianggap lebih mudah terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba.

Bank-bank terus berdaya tahan meskipun prospek risiko kredit mencabar

Pengembangan bantuan bayaran balik pinjaman – pada bulan November 2020 dan sekali lagi pada bulan Jun dan Julai 2021 – telah mengekalkan pinjaman terjejas sistem perbankan pada paras yang rendah dengan nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih kekal stabil masing-masing pada 1.6% dan 1% daripada jumlah pinjaman (Rajah 2.9). Walau bagaimanapun, bank-bank terus meningkatkan peruntukan kerugian kredit sepanjang separuh pertama tahun 2021 berdasarkan jangkaan kemerosotan kualiti aset apabila program bantuan bayaran balik pinjaman ditamatkan secara beransur-ansur. Jumlah peruntukan sekarang adalah kira-kira 54% lebih tinggi daripada tahap sebelum pandemik pada akhir tahun 2019, dan terus meningkat kepada 1.8% daripada jumlah pinjaman pada akhir bulan Jun 2021 (2020: 1.7%; purata 5 tahun: 1.3%). Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) ialah 129.2% iaitu kekal sekitar paras tertinggi yang pernah dicatatkan sebelum ini. Bank-bank terus berhemat dalam menyediakan penampan kerugian kredit daripada pinjaman yang dinilai berisiko lebih tinggi, seperti yang dilihat daripada kenaikan peruntukan pinjaman Tahap 2 yang berterusan walaupun pinjaman terjejas kekal rendah.

Peruntukan untuk pinjaman Tahap 2 mewakili 40% daripada jumlah peruntukan (2020: 36.8%, 2019: 29.2%), sejajar dengan peningkatan bahagian pinjaman Tahap 2 yang berada pada 9.7% daripada jumlah pinjaman pada akhir bulan Jun (Disember 2020: 9.9%; purata 2019: 7.5%)[4] (rujuk Rencana Maklumat 'Amalan Peruntukan Institusi Perbankan untuk Mengurangkan Kesan Kenaikan Risiko Kredit Berikutan Pandemik' untuk mendapatkan butiran lanjut tentang amalan peruntukan bank-bank).

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Rujuk bahagian 'Risiko Kredit' untuk penilaian lanjut tentang risiko kredit.

Amalan Peruntukan Institusi Perbankan untuk Mengurangkan Kesan Kenaikan Risiko Kredit Berikutan Pandemik

Bank-bank berdepan cabaran yang besar apabila mengemas kini penilaian risiko kredit dan menentukan paras peruntukan yang wajar terhadap jangkaan kerugian kredit (*expected credit losses*, ECL) sepanjang pandemik COVID-19. Paras ketidakpastian yang lebih tinggi memerlukan bank-bank sentiasa menilai semula kesesuaian penunjuk ekonomi berpandangan ke hadapan yang diterapkan dalam model ECL. Keadaan ini diburukkan lagi oleh kesukaran yang dihadapi dalam menentukan kemerosotan sebenar keupayaan peminjam untuk membuat bayaran balik pinjaman, terutamanya dalam kalangan peminjam yang terlibat dengan pelbagai program bantuan bayaran balik pinjaman. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan data bayaran balik pinjaman yang lebih terkini.

Berikutan cabaran ini, Bank Negara Malaysia (Bank) secara rasminya telah memaklumkan kepada bank-bank akan keperluan untuk menggunakan budi bicara yang sewajarnya apabila mengaplikasikan standard perakaunan dan modal pengawalseliaan yang berkaitan dengan ECL dan takrif mungkir bayaran balik pinjaman. Kehendak ini mengambil kira ciri kejutan COVID-19 yang luar biasa dan kesan-kesan pengurangan daripada langkah-langkah sokongan dasar yang meluas, termasuk bantuan bayaran balik pinjaman, yang bertujuan untuk membantu para peminjam menangani kesukaran bayaran balik pinjaman untuk tempoh sementara. Hal ini seterusnya dapat mengekalkan keupayaan mereka untuk membayar balik hutang dalam jangka masa pembiayaan. Selaras dengan itu, Bank menjelaskan bahawa apabila tiada faktor-faktor lain yang menunjukkan kenaikan risiko kredit yang ketara, pemberian bantuan bayaran balik pinjaman kepada peminjam yang terjejas akibat pandemik tidak seharusnya menjadi penentu pembiayaan dipindahkan secara automatik ke Tahap 2 atau Tahap 3, yang seterusnya akan memerlukan bank-bank menyediakan peruntukan kerugian sepanjang tempoh hayat pembiayaan di bawah MFRS 9. Demikian juga, penilaian 'kemungkinan tidak membayar balik pinjaman' di bawah takrif mungkir bagi tujuan modal pengawalseliaan tidak seharusnya berdasarkan pengambilan bantuan bayaran balik pinjaman oleh peminjam semata-mata, tetapi perlu berdasarkan penilaian secara lebih holistik ke atas penunjuk-penunjuk yang berkaitan serta maklumat peminjam yang tersedia.

Berlatarkan keadaan ini, rencana ini menerangkan cara bank-bank membuat penyesuaian dengan cabaran yang dihadapi dalam penilaian risiko kredit sambil memastikan kecukupan peruntukan terhadap risiko kredit yang lebih tinggi akibat pandemik. Rencana ini merangkumi pandangan yang diperoleh daripada penilaian tematik yang dijalankan oleh Bank pada suku kedua tahun 2021 yang melibatkan 37 institusi perbankan.

Bank-bank telah melaraskan amalan peruntukan dan pemantauan kredit untuk mengambil kira potensi kenaikan risiko kredit berikutan kekurangan maklumat peminjam

Semua bank telah menerapkan tahap amalan peruntukan yang lebih ketat (Rajah 2.10). Terdapat beberapa jenis amalan yang dilaksanakan, termasuk penetapan tahap pinjaman yang lebih awal berdasarkan penilaian tentang prospek risiko kredit untuk segmen-segmen tertentu peminjam; menetapkan penilaian pengurusan di bawah penyeliaan yang lebih teguh; membuat kajian semula yang lebih kerap ke atas pemboleh ubah makroekonomi

Rajah 2.10: Amalan Peruntukan dan Pemantauan Kredit oleh Bank-bank untuk Mengambil Kira Potensi Peningkatan Risiko Kredit



Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Bank-bank

(*macroeconomic variables*, MEV) dengan wajaran lebih tinggi diberikan terhadap senario berpandangan ke hadapan yang negatif; dan mengambil langkah lebih konservatif dalam menentukan pertimbangan pengurusan bagi mencerminkan ketidakpastian ekonomi yang berterusan. Proses pemantauan kredit juga telah dipertingkatkan dengan memanfaatkan data alternatif, seperti data urus niaga pembayaran bagi mengimbangi ketidakupayaan atau kelewatan mendapatkan maklumat kewangan para peminjam yang terkini. Semua bank juga telah mempergiat penilaian kredit terhadap peminjam korporat mudah terjejas melalui interaksi secara maya yang kerap, dengan memberikan tumpuan pada perubahan keadaan perniagaan dan operasi semasa supaya kesan pandemik terhadap profil peminjam dapat difahami dengan lebih baik.

Klasifikasi penetapan tahap

Bagi portfolio runcit, pencetus yang digunakan oleh bank-bank untuk menunjukkan kenaikan risiko kredit yang ketara masih berada pada tahap berhemat (Rajah 2.11). Meskipun bank-bank diberikan kelonggaran untuk mempertimbangkan faktor-faktor lain sebagai penunjuk kepada perubahan dalam risiko kredit, hampir separuh (18) daripada bank-bank yang mengambil bahagian dalam penilaian tersebut terus menganggap bayaran balik pinjaman sebagai pencetus utama bagi penilaian kenaikan risiko kredit yang ketara. Bagi kebanyakan bank-bank ini, kelulusan permohonan bantuan bayaran balik pinjaman secara automatik telah menyebabkan pemindahan penetapan tahap pembiayaan ke Tahap 2. Bagi empat bank yang dinilai, permohonan bantuan bayaran balik pinjaman akan mencetuskan pemindahan penetapan tahap bagi pembiayaan jika permohonan itu turut memenuhi penunjuk peningkatan risiko kredit lain seperti rekod bayaran tertunggak sebelum pandemik, paras pendapatan yang lebih rendah dan nisbah khidmat hutang yang lebih tinggi. Bagi 19 bank yang selebihnya, penilaian kenaikan risiko kredit yang ketara untuk pembiayaan di bawah bantuan bayaran balik pinjaman adalah berdasarkan bukti daripada amalan bayaran balik hutang sepanjang tempoh bantuan bayaran balik pinjaman. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes ini, bank juga mengambil kira takat kebergantungan peminjam terhadap program bantuan bayaran balik pinjaman bagi menyokong bayaran balik hutang, misalnya, apabila peminjam membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan bayaran balik pinjaman selanjutnya.

Rajah 2.11: Amalan Penetapan Tahap oleh Bank-bank bagi Peminjam Runcit di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman



Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Bank-bank

Bagi portfolio bukan runcit, amalan mengklasifikasikan penetapan tahap kekal tidak berubah seperti tempoh sebelum pandemik. Peminjam terus dinilai pada peringkat akaun dan dipindahkan ke Tahap 2 atau Tahap 3 hanya selepas terdapat bukti kenaikan risiko kredit yang ketara. Bank-bank dengan dasar sedia ada yang mengehendaki pemindahan penetapan tahap dibuat secara automatik ke Tahap 2 bagi pinjaman yang dijadualkan semula dan distrukturkan semula telah meneruskan amalan tersebut selaras dengan dasar berkenaan. Beberapa bank juga telah mengambil langkah lebih awal mengklasifikasikan pinjaman ke Tahap 3. Hal ini menyebabkan peruntukan lebih tinggi dibuat bagi syarikat korporat tertentu yang mudah terjejas dalam sektor ekonomi yang paling teruk terkesan akibat pandemik. Kebanyakan bank masih melaksanakan tempoh minimum bagi khidmat bayaran balik hutang yang berterusan oleh peminjam iaitu tidak kurang daripada enam bulan sebelum membenarkan pemindahan penetapan tahap dari Tahap 2 ke Tahap 1. Dalam kesemua kes ini, peningkatan penetapan tahap perlu melalui penilaian tambahan pada peringkat akaun untuk mengesahkan bahawa keupayaan untuk membayar balik hutang oleh peminjam mungkin dapat dikekalkan.

Model ECL

Sebahagian besar bank meningkatkan kekerapan semakan bagi MEV yang digunakan dalam model ECL, terutamanya unjuran pertumbuhan KDNK dan pengangguran berikutan tahap ketidakpastian ekonomi yang tinggi dan berterusan yang dialami sepanjang tempoh pandemik (Rajah 2.12). Kebanyakan bank juga menerapkan tahap konservatif yang lebih tinggi dalam unjuran MEV berbanding dengan tempoh sebelum pandemik, dengan wajaran lebih tinggi (dalam julat antara 15% hingga 60% merentas bank-bank) digunakan dalam senario berpandangan ke hadapan yang negatif (Rajah 2.13). Sebanyak 14 bank selanjutnya tidak mengambil kira data kebarangkalian mungkir (*probability of default*) pada tahun 2020 untuk mengurangkan herotan data yang disebabkan oleh program bantuan bayaran balik pinjaman. Sepanjang tempoh ini, beberapa bank telah menangguhkan sebarang masuk kira semula (*write-back*) bagi peruntukan yang berdasarkan output model ECL bagi mengekalkan penampan peruntukan terhadap jangkaan kerugian yang lebih besar pada masa hadapan.

Rajah 2.12: Kekerapan Semakan terhadap MEV



Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Bank-bank

Rajah 2.13: Wajaran bagi Senario Berpandangan ke Hadapan yang Negatif



Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Bank-bank

Pertimbangan pengurusan

Sebahagian besar bank telah melaksanakan pertimbangan pengurusan[5] secara lebih awal untuk memperkukuh peruntukan bagi segmen peminjam yang dianggap lebih berisiko tinggi. Hal ini termasuk peminjam di bawah bantuan bayaran balik pinjaman dan dalam sektor ekonomi yang lebih terkesan akibat pandemik. Peningkatan penggunaan pertimbangan pengurusan oleh bank-bank mencerminkan ketidakpastian yang lebih tinggi berhubung dengan penentuan anggaran ECL selain untuk menyediakan penampan tambahan bagi peminjam di bawah bantuan bayaran balik pinjaman yang mungkin menyebabkan risiko kredit semakin meningkat pada masa hadapan (termasuk peminjam yang kekal di bawah Tahap 1). Pertimbangan pengurusan kumulatif yang diperuntukkan oleh bank-bank pada masa ini mencakupi kira-kira 40% daripada jumlah peruntukan – paras paling tinggi sejak pelaksanaan MFRS 9. Pada suku kedua tahun 2021, pertimbangan pengurusan yang diperuntukkan oleh bank-bank yang mempunyai dedahan runcit yang besar juga telah meningkat dengan ketara, iaitu berpurata sebanyak 34%, sebagai tindak balas kepada pelbagai program bantuan bayaran balik pinjaman yang berturut-turut. Bagi menentukan kuantum pertimbangan pengurusan, kebanyakan bank menggunakan kebarangkalian mungkir yang lebih tinggi dan/atau andaian kebarangkalian mungkir bersamaan Tahap 2 untuk segmen peminjam bantuan bayaran balik pinjaman yang dikenal pasti.

Amalan peruntukan berhemat bank-bank yang sedia ada dan pelarasan yang dibuat semasa pandemik untuk mengambil kira tahap ketidakpastian yang ketara dijangka menyokong daya tahan bank-bank terhadap potensi risiko kemerosotan kualiti aset yang ketara. Peruntukan kerugian pinjaman ketika ini dinilai mencukupi untuk menampan anggaran konservatif unjuran kerugian, termasuk kerugian daripada dedahan kepada sektor yang lebih terkesan akibat pandemik serta peminjam yang lebih mudah terjejas dan mungkin terus berdepan kesukaran membayar balik hutang mereka apabila langkah-langkah sokongan bayaran balik pinjaman ini ditamatkan secara beransur-ansur. Bank-bank dijangka meningkatkan lagi peruntukan pada separuh kedua tahun 2021 berikutan penilaian kesan PKP Penuh yang dikemas kini dan lanjutan tempoh program bantuan bayaran balik pinjaman. Namun demikian, penampan sedia ada serta unjuran perolehan seharusnya membolehkan bank-bank menyerap peruntukan tambahan tersebut. Peruntukan konservatif yang diamalkan dalam kalangan bank memberikan jaminan tambahan bahawa bank-bank tersebut berada pada kedudukan yang kukuh bagi menghadapi kerugian kredit yang lebih tinggi daripada jangkaan sekiranya berlaku perkembangan kredit yang lebih buruk.

[5] Pertimbangan pengurusan ialah peruntukan tambahan yang disediakan selain peruntukan yang diperoleh daripada model ECL. Peruntukan ini mencerminkan pelarasan untuk mengambil kira kekurangan data atau ketidakpastian yang tidak dirangkumi sepenuhnya oleh model ECL.

Peningkatan peruntukan pada tahun 2020 telah membolehkan bank-bank mengurangkan jumlah peruntukan tambahan yang disediakan untuk kerugian kredit pada tahun terkini (Rajah 2.14). Hasil penurunan kos kredit tahunan (Rajah 2.15) dan kerugian pengubahsuaian yang lebih rendah susulan peralihan kepada program bantuan bayaran balik pinjaman yang lebih bersasar telah menyokong peningkatan keuntungan bank pada separuh pertama tahun 2021. Margin faedah bersih juga meningkat (2.1%; Disember 2020: 1.9%) disebabkan oleh kos pembiayaan yang lebih rendah dan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi terutamanya dalam segmen isi rumah. Peningkatan margin ini sebahagiannya mengimbangi penurunan yang ketara dalam pendapatan perdagangan bersih berikutan peningkatan kadar hasil bon, setelah perolehan yang besar dicatatkan pada tahun 2020. Secara keseluruhan, keuntungan sebelum cukai[6] sistem perbankan domestik telah meningkat sedikit (Rajah 2.16) menyebabkan pulangan aset dan ekuiti menjadi lebih tinggi, masing-masing sebanyak 1.1% dan 9.7% (Disember 2020: 1% dan 8.4%). Walau bagaimanapun, penilaian pasaran bank tersenarai kekal tidak menentu dan terus mencerminkan sentimen pelabur yang berhati-hati berikutan prospek pendapatan masa depan yang lebih lemah disebabkan oleh pemulihan ekonomi yang tertangguh (Rajah 2.17).

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Peruntukan



Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Rajah 2.16: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung Sebelum Cukai



Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan[3] Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia



Nota: 1. Perubahan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST1 2020 dan ST1 2021
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
3. Merujuk kepada median nisbah semua bank tersenarai di pasaran saham Malaysia

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

[6] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Hasil teragregat seterusnya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.

Bank-bank dijangka akan terus memperkukuh peruntukan pada separuh kedua tahun 2021 memandangkan tekanan yang dihadapi semula oleh sesetengah peminjam. Namun demikian, peningkatan peruntukan dijangka berkurang disebabkan oleh pemberian semula bantuan bayaran balik pinjaman yang lebih bersasar seiring dengan peningkatan keupayaan bank-bank untuk membezakan keupayaan bayaran balik peminjam apabila langkah-langkah bantuan bayaran balik pinjaman yang menyeluruh ditamatkan secara beransur-ansur. Pertumbuhan pinjaman juga dijangka meningkat memandangkan langkah-langkah pembendungan dilonggarkan selaras dengan kemajuan program pemberian vaksin dalam negeri. Peningkatan ini akan memberikan sokongan selanjutnya kepada perolehan.

Operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik terus berdaya tahan dengan pemulihan keuntungan di kebanyakan negara

Kebanyakan operasi luar negeri[7] DBG mencatatkan peningkatan keuntungan disebabkan terutamanya oleh peruntukan yang lebih rendah yang disediakan pada tahun ini berbanding dengan tahun 2020 (Rajah 2.18). Khususnya, operasi di Singapura, yang merupakan operasi paling ketara (Rajah 2.19),

Rajah 2.18: Sistem Perbankan - Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota: Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.19: Sistem Perbankan - Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

mencatatkan peningkatan semula yang kukuh selaras dengan pemulihan kegiatan ekonomi susulan jangkitan COVID-19 yang telah dapat dibendung secara berkesan. Perolehan daripada operasi di Indonesia dan Thailand juga menunjukkan peningkatan disebabkan oleh penambahan peruntukan pinjaman terjejas yang sedikit. Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan operasi luar negeri terjejas oleh operasi di Hong Kong SAR disebabkan terutamanya oleh peruntukan yang lebih tinggi berikutan pertimbangan pengurusan tambahan yang diperuntukkan kepada peminjam yang mempunyai risiko kredit yang tinggi.

Langkah-langkah bantuan yang dilaksanakan sepanjang separuh pertama tahun 2021 terus menyokong kualiti aset operasi luar negeri DBG yang secara keseluruhan kekal stabil (Rajah 2.20).[8] Dedahan luar negeri kepada sektor yang terjejas akibat pandemik secara langsung dan tidak langsung juga secara relatif kecil, iaitu antara 0.02% dan 7.2% daripada pinjaman kasar DBG individu. Selanjutnya, risiko mudah tunai dan pendanaan di negara-negara utama kekal terurus memandangkan sebahagian besar aktivitinya dibiayai oleh deposit pelanggan (Rajah 2.21). Pada tempoh ini, kebanyakan operasi luar negeri DBG menunjukkan peningkatan deposit jangka pendek berikutan langkah-langkah bantuan yang dilaksanakan di setiap negara. Penampan modal

[7] Merujuk pejabat luar negeri DBG (cawangan dan subsidiari) yang beroperasi di luar Malaysia dan LIBFC. DBG berada di 14 negara dengan operasi utamanya di Singapura, Indonesia, Thailand dan Hong Kong SAR.

[8] Nisbah jejas nilai diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.

Rajah 2.20: Sistem Perbankan – Penunjuk Kewangan Utama Operasi Luar Negeri



Nota: Purata penunjuk kewangan utama diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.21: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

yang dipegang oleh operasi luar negeri tetap kukuh dan dijangka dapat mengurangkan keperluan sebarang rekursa untuk sokongan induk. Meskipun penularan semula kes COVID-19 di beberapa negara terus memberikan kesan kepada prospek risiko kredit, ujian tekanan yang dilakukan oleh Bank terhadap operasi luar negeri mengesahkan bahawa semua subsidiari asing utama DBG dijangka mempunyai penampan modal yang mencukupi untuk menghadapi potensi kejutan di bawah senario tekanan yang amat teruk, tanpa sokongan tambahan daripada DBG induk masing-masing.

Peningkatan perolehan daripada operasi domestik dan luar negeri telah membolehkan bank-bank mengekalkan penampan modal yang kukuh. Hal ini membolehkan sesetengah bank berhati-hati menyambung pembayaran dividen yang sebelumnya dihentikan atau dikurangkan bagi mengekalkan modal, walaupun beberapa bank telah meneruskan program pelaburan semula dividen untuk melindungi penampan modal mereka memandangkan ketidakpastian tentang prospek ekonomi. Bank-bank terus mengekalkan kedudukan modal yang kukuh, dengan lebihan penampan modal[9] melebihi keperluan minimum yang kekal tinggi (Rajah 2.22). Kedudukan modal ini penting untuk menggalakkan keadaan yang menyokong pemberian pinjaman bank dalam keadaan jangkaan paras kerugian kredit yang lebih tinggi.

Rajah 2.22: Sistem Perbankan – Nisbah Modal



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi

Sumber: Bank Negara Malaysia

[9] Merujuk modal yang dipegang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan, termasuk keperluan penampan pengekalan modal (2.5%) dan keperluan khusus bank tertentu.

Semua bank domestik yang penting dari segi sistemik (*domestic systemically important banks*, D-SIB) terus mengekalkan modal CET1 yang nyata melebihi keperluan pengawalseliaan minimum, termasuk keperluan penyerapan kerugian lebih tinggi (*higher loss absorbency*, HLA) yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2021, serta sasaran modal dalaman. Berdasarkan penilaian terkini Bank yang menggunakan penyerahan data akhir tahun 2020,[10] senarai bank yang tertakluk pada keperluan penampan modal yang lebih tinggi untuk mencerminkan kepentingan sistemik mereka kekal tidak berubah (Jadual 2.1).

Jadual 2.1: Keperluan HLA untuk D-SIB

D-SIB	Keperluan HLA (% daripada aset berwajaran risiko)
Malayan Banking Berhad	1.0
CIMB Group Holdings Berhad	
Public Bank Berhad	0.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

[10] Penilaian D-SIB terhad kepada bank-bank yang mempunyai gabungan jumlah aset yang bersamaan dengan atau melebihi RM30 bilion. Sila rujuk https://www.bnm.gov.my/-/domestic-systemically-important-banks-d-sib-framework.

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Sektor insurans dan takaful mencatatkan keuntungan lebih rendah, didorong oleh prestasi pelaburan yang lebih lemah

Keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful adalah lebih rendah pada separuh pertama tahun 2021 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2020. Bagi dana insurans hayat dan takaful keluarga, lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan menurun kepada RM3.7 bilion (ST1 2020: RM4.7 bilion) (Rajah 2.23). Hal ini didorong oleh kerugian tidak direalisasi bersih daripada pelaburan bon sejajar dengan prestasi pasaran bon yang lebih lemah selain kesan yang lebih kecil daripada kerugian pelaburan ekuiti yang dinilai mengikut pasaran. Pendapatan daripada aktiviti pengunderaitan memberikan sedikit sokongan kepada keuntungan. Pertumbuhan premium[11] perniagaan baharu pulih dengan kukuh pada 30.2% (ST1 2020: -7.1%), didorong terutamanya oleh segmen perniagaan berkaitan pelaburan, Jaminan/ Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang (Mortgage Reducing Term Assurance/Takaful, MRTA/MRTT), dan perubatan dan kesihatan (Rajah 2.24). Hal ini mencerminkan penyambungan semula penjualan produk secara bersemuka dan aktiviti pasaran harta tanah hasil daripada tindakan pembendungan COVID-19 yang tidak begitu ketat sehingga hujung bulan Mei. Seperti yang dinyatakan dalam penerbitan Tinjauan Kestabilan Kewangan sebelum ini, ITO juga mendapati bahawa terdapat peningkatan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai betapa pentingnya peranan insurans dan takaful dalam menyediakan jaring keselamatan kewangan semasa keadaan tidak menentu. Hal ini dijangka dapat meningkatkan permintaan terhadap insurans dan takaful walaupun terdapat tekanan jangka pendek terhadap pendapatan isi rumah.

Rajah 2.23: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan



Nota: Pendapatan pengunderaitan bersih merujuk lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.24: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesan kepada ITO hayat dan keluarga daripada langkah-langkah bantuan sementara yang diberikan kepada pemegang polisi[12] kekal terhad. Pemegang polisi yang terjejas diberikan pilihan untuk menangguhkan premium yang perlu dibayar di bawah polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga selama tiga bulan tanpa menjejaskan perlindungan mereka. Pilihan ini, yang sebelumnya dijadualkan berakhir pada bulan Jun 2021, telah dilanjutkan sehingga bulan Disember 2021. Pemegang polisi yang mengambil pilihan penangguhan

[11] Merujuk premium insurans dan sumbangan takaful, kecuali dinyatakan sebaliknya.

[12] Merujuk kepada kedua-dua pemegang polisi insurans dan peserta takaful, kecuali dinyatakan sebaliknya.

premium terus meningkat, walaupun jumlah premium yang ditangguhkan dan pelepasan premium (*premium holidays*)[13] secara relatifnya masih kecil, iaitu 8.3% daripada premium yang masih berkuat kuasa (Jun 2021: 7.7%; Mac 2021: 6.5%).[14] Bagi mengambil kira peningkatan risiko yang timbul berikutan pandemik, beberapa ITO hayat dan keluarga telah memperkenalkan langkah pengunderaitan tambahan, termasuk soal selidik untuk menilai sejarah perubatan COVID-19 dan dedahan risiko terhadap bakal pemegang polisi. Dalam kes-kes terpilih, pemegang polisi yang terjejas mungkin dikenakan syarat pengunderaitan tambahan seperti tempoh menunggu yang lebih panjang. Bebanan premium (*premium loadings*) yang lebih tinggi juga mungkin dikenakan ke atas pemegang polisi yang menunjukkan risiko yang lebih tinggi bahawa keadaan kesihatannya akan semakin teruk. Walau bagaimanapun, hal ini sangat bergantung pada penilaian perubatan selanjutnya yang dibuat berdasarkan kes. Secara keseluruhan, amalan seperti ini masih tidak banyak berlaku bagi mencerminkan secara meluas keadaan pengunderaitan yang lebih ketat bagi semua ITO disebabkan oleh COVID-19.

Kesan daripada penangguhan premium dan tuntutan COVID-19 kepada perolehan ITO dijangka kekal terurus, dengan ITO dinilai mampu berdaya tahan terhadap senario tekanan dengan andaian tuntutan lebih tinggi[15] daripada yang dicatatkan setakat ini. Sejajar dengan itu, ITO sehingga kini tidak bergantung pada fleksibiliti pengawalseliaan yang diberikan kepada mereka sepanjang tempoh pandemik.

[13] Pelepasan premium merujuk perlindungan insurans/takaful yang berterusan walaupun tiada pembayaran premium dan terpakai untuk produk-produk yang mempunyai ciri pelepasan premium yang sudah pun ada seperti produk berkaitan pelaburan. Fleksibiliti ini tersedia untuk pemegang polisi selagi nilai pelaburan dalam dana unit terus mencukupi bagi memenuhi kos insurans yang diperlukan dalam tempoh pelepasan premium.

[14] Berdasarkan jumlah terkumpul dari 27 Mac 2020 hingga 3 September 2021.

[15] Andaian di bawah senario tekanan termasuk: (i) Pembayaran sagu hati (*ex-gratia*) yang berkaitan dengan COVID-19 kepada pemegang polisi dan tuntutan yang lebih tinggi untuk polisi tanpa klausa pandemik; dan (ii) peningkatan konservatif dalam nisbah tuntutan insurans am sehingga 17%. Rujuk bahagian mengenai 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Kedua 2020 untuk keterangan lanjut.

Menilai Kesan Penangguhan bagi Penetapan Semula Harga Pelan Perubatan ke atas Penanggung Insurans Hayat dan Pengendali Takaful Keluarga

Di Malaysia, perlindungan insurans/takaful bagi pembayaran balik kos perubatan lazimnya direka bentuk untuk melindungi atau membayar balik, sama ada dengan jumlah sepenuhnya atau sebahagian daripada kos perubatan untuk rawatan pesakit dalam (*inpatient*) atau rawatan tertentu bagi pesakit luar (*outpatient*). Pada tahun 2020, hampir 7 juta polisi/sijil pembayaran balik kos perubatan individu telah ditanggung oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga. Jumlah ini mewakili sebahagian besar daripada perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga. Tuntutan perubatan mencakupi 68% daripada jumlah tuntutan perlindungan insurans dan takaful[16] pada tahun 2020. Rencana ini bertujuan mengkaji trend pengalaman tuntutan produk insurans/takaful berkaitan dengan pembayaran balik kos perubatan, kesan pandemik, dan impak selanjutnya terhadap kitaran penetapan semula harga untuk produk-produk ini.

Bagaimanakah perlindungan insurans/takaful pembayaran balik kos perubatan diuruskan?

Perlindungan pembayaran balik kos perubatan lazimnya direka bentuk dengan kadar premium yang boleh dikaji semula secara tahunan untuk mencerminkan perubahan kos rawatan dan kecenderungan menggunakan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Memandangkan faktor-faktor ini sukar diramalkan dalam jangka panjang, penetapan semula harga secara berkala merupakan ciri standard bagi produk-produk ini untuk memastikan portfolio insurans/takaful perubatan terus mampan. Portfolio insurans/takaful perubatan menjadi tidak mampan apabila premium yang dikutip tidak mencukupi untuk menampung jangkaan kos tuntutan, perbelanjaan, dan margin keuntungan ITO. Andaian utama yang digunakan untuk menganggarkan jangkaan kos tuntutan ialah kadar inflasi tuntutan perubatan dan kos purata bagi setiap rawatan atau kejadian tuntutan. Sama seperti negara lain, kos perkhidmatan perubatan di Malaysia meningkat pada kadar yang jauh lebih pantas daripada inflasi harga umum (Jadual 2.2). Kos tuntutan juga dipengaruhi oleh perubahan dalam penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh pemegang polisi, yang mungkin timbul akibat anjakan demografi serta perubahan gaya hidup dan tingkah laku. Semua andaian ini digabungkan untuk mengira jangkaan kos tuntutan yang menentukan tahap premium yang diperlukan.

Jadual 2.2: Perbandingan Kadar Trend Perubatan Bersih

	Kadar Trend Perubatan Bersih* (%)		
	2019	2020	2021 (Unjuran)
Malaysia	10.0	10.7	9.8
Singapura	7.1	7.8	7.7
Global	5.1	4.6	6.2
Amerika Syarikat	6.1	6.6	5.1
United Kingdom	3.9	5.2	5.0
Australia	4.9	4.6	4.2

*Kadar trend perubatan ditolak inflasi harga umum

Sumber: 2021 Global Medical Trends Survey Report, Willis Towers Watson

[16] Jumlah tuntutan perlindungan ialah tuntutan yang berpunca daripada perlindungan perubatan, kematian, dan hilang upaya, tidak termasuk tuntutan serahan dan kematangan. Bahagian ini termasuk tuntutan perubatan daripada skim berkelompok dan skim berasaskan majikan.

Pengalaman tuntutan perlindungan pembayaran balik kos perubatan adalah berbeza-beza antara ITO, dan juga antara pelbagai produk daripada ITO yang sama, disebabkan oleh:

(1) Profil risiko individu yang dilindungi, seperti kumpulan umur, yang seterusnya mempengaruhi jenis perkhidmatan perubatan yang digunakan. Contohnya, produk yang melindungi individu dengan profil usia yang lebih tua mungkin menunjukkan inflasi tuntutan perubatan yang lebih tinggi memandangkan terdapatnya kemungkinan besar keperluan perkhidmatan perubatan dan komplikasi pembedahan meningkat seiring dengan tahap usia; dan

(2) Ciri-ciri produk, yang mempengaruhi kecenderungan (dan keupayaan) pemegang polisi untuk membuat tuntutan. Misalnya, produk bercirikan perkongsian kos sering mempunyai pembayaran tuntutan yang lebih rendah berbanding dengan produk tanpa ciri-ciri yang sedemikian. Sesetengah negara mewajibkan perkongsian kos secara deduktibel atau pembayaran bersama dalam sistem penjagaan kesihatan masing-masing bagi mengawal kos perkhidmatan perubatan.

Bagi memastikan kesaksamaan antara pemegang polisi, premium biasanya dibezakan dengan mengambil kira perbezaan pengalaman tuntutan antara risiko-risiko yang dikelompokkan bersama. Contohnya, tahap premium untuk kumpulan risiko yang mempunyai kecenderungan lebih tinggi untuk membuat tuntutan dan/atau memerlukan rawatan yang lebih mahal secara amnya ditetapkan lebih tinggi daripada yang mempunyai profil berisiko lebih rendah.

Bagaimanakah COVID-19 memberi kesan kepada trend tuntutan dan apakah yang boleh dijangka selepas pandemik?

Sepanjang tempoh dari tahun 2015 hingga 2019, nisbah gabungan portfolio perubatan individu industri insurans hayat dan takaful keluarga ialah antara 90% hingga 100% (Gambar Rajah 2.1). Dapat diperhatikan bahawa nisbah gabungan, yang merupakan nisbah jumlah tuntutan dibayar dan perbelanjaan kepada jumlah premium yang dikutip,[17] menunjukkan corak kitaran silih berganti antara paras tertinggi dengan terendah yang berlaku serentak dengan kitaran penetapan semula harga antara tempoh tiga hingga lima tahun yang lazim diamalkan oleh ITO.

Gambar Rajah 2.1: Taburan Nisbah Gabungan Perubatan Penanggung Insurans Hayat dan Pengendali Takaful Keluarga bagi Tempoh 2015 - 2019



Nota: Saiz gelembung menunjukkan saiz perniagaan perubatan mengikut tuntutan. Saiz gelembung untuk 5 syarikat teratas adalah saiz purata

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

[17] Nisbah gabungan sebanyak 100% menunjukkan bahawa premium yang dikutip telah habis sepenuhnya disebabkan oleh tuntutan dan perbelanjaan, tanpa meninggalkan keuntungan untuk ITO sebagai pulangan untuk pengunderaitan portfolio tersebut.

Pada tahun 2020, nisbah gabungan portfolio perubatan bagi ITO telah menurun. Dapat diperhatikan bahawa tuntutan yang lebih rendah itu didorong terutamanya oleh faktor-faktor sementara, seperti sekatan pergerakan, pengurangan kontak sosial kerana bekerja dan belajar dari jarak jauh, di samping keengganan untuk mendapatkan rawatan perubatan yang tidak kritikal di hospital semasa pandemik. Jumlah tuntutan pada tahun 2020 menurun berbanding dengan tahun 2019, dengan kebanyakan tuntutan berpunca daripada rawatan kritikal yang tidak boleh ditangguhkan. Walau bagaimanapun, pengurangan bilangan tuntutan sepanjang tempoh pandemik telah diimbangi sebahagiannya oleh kenaikan kos purata untuk setiap rawatan sebanyak 14% bagi rawatan bukan pembedahan dan 15% bagi rawatan pembedahan (Gambar Rajah 2.2), yang melebihi trend jangka panjang, iaitu masing-masing sebanyak 8% dan 9% setahun.[18] Hal sedemikian sebahagiannya disebabkan oleh keadaan penyakit yang lebih teruk dan mendesak yang dirawat dan dituntut, serta kos tambahan yang dikenakan ke atas protokol berkaitan dengan pandemik seperti ujian makmal untuk COVID-19 dan penggunaan bekalan perubatan pakai buang yang lebih tinggi (termasuk peralatan pelindung diri).

Gambar Rajah 2.2: Pengalaman Tuntutan Sepanjang Tempoh Pandemik Mengikut Jenis Tuntutan

Bilangan tuntutan perubatan adalah lebih rendah tetapi inflasi tuntutan perubatan secara purata terus meningkat sepanjang tempoh pandemik



Nota: Perubahan relatif tahunan bagi bilangan tuntutan dan jumlah tuntutan secara purata adalah berdasarkan perbandingan antara data tahun 2019 dengan data sepanjang tempoh pandemik (2020 hingga ST1 2021). Perubahan relatif tahunan yang dialami oleh setiap penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga mungkin berbeza daripada statistik agregat di atas

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga yang memiliki perniagaan perubatan yang besar

Bilangan tuntutan dijangka kembali ke paras biasa apabila pandemik mereda dan sekatan pergerakan ditamatkan secara berperingkat. Insiden kemasukan ke hospital yang disebabkan oleh rawatan bukan pembedahan yang lazim seperti selesema perut (*stomach flu*) dan demam denggi dijangka kembali ke trend sebelum ini. Walaupun tahap peningkatan semula tuntutan perubatan selepas pandemik tidak dapat dipastikan, pemerhatian terhadap pasaran lain menggambarkan kemungkinan berlakunya peningkatan sementara dalam penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Keadaan ini mungkin didorong oleh peningkatan yang mendadak dalam bilangan tuntutan berbanding dengan tempoh pandemik akibat penangguhan rawatan tidak kritikal dan diagnosis daripada janji temu perubatan yang ditangguhkan oleh individu yang sebelum ini enggan pergi ke hospital kerana kebimbangan terhadap COVID-19 (Gardner dan Fraser, 2021; Berlin et. al. 2020).

Dalam jangka pendek, kos rawatan purata juga mungkin meningkat berikutan keadaan kesihatan yang semakin teruk akibat kelewatan mendapatkan rawatan (Mathews dan Cherney, 2020). Dinamik permintaan-penawaran juga boleh mendorong kenaikan kos, terutamanya untuk bekalan dan perkhidmatan hospital yang mungkin meningkat disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi. Berdasarkan data tuntutan pada tahun 2018, bekalan dan perkhidmatan hospital masing-masing menyumbang sebanyak 60% dan 70% daripada kos rawatan pembedahan dan bukan pembedahan yang boleh dituntut di Malaysia.[19] Selanjutnya, caj yang lebih tinggi daripada protokol yang berkaitan dengan pandemik kemungkinan akan berlanjutan dalam jangka masa terdekat.

[18] Kadar pertumbuhan tahunan terkompaun dari tahun 2013 hingga 2018 bagi jumlah purata yang dibilkan berdasarkan kajian bebas yang dijalankan oleh industri melalui Pasukan Petugas Pengawalan Kos Perubatan (*Medical Cost Containment Task Force*).
[19] Berdasarkan kajian bebas yang telah dijalankan oleh industri melalui Pasukan Petugas Pengawalan Kos Perubatan.

Dalam jangka masa lebih panjang, tidak dapat dipastikan bagaimana pandemik akan mempengaruhi trend perubatan asas. Penggunaan perkhidmatan kesihatan dalam talian (*telehealth*) yang telah dipercepat oleh penanggung insurans antarabangsa semasa pandemik merupakan suatu perkembangan penting yang dapat meningkatkan kecekapan dalam penyediaan penjagaan kesihatan dan pengurangan kos. Walau bagaimanapun, keadaan ini diimbangi oleh kesan yang belum lagi diketahui akibat COVID berlarutan (*long COVID*)[20] ke atas penduduk berinsurans yang mungkin meningkatkan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan (Aon, 2021; Willis Towers Watson, 2020).

Apakah kesan daripada penangguhan kitaran penetapan semula harga?

Walaupun trend ini dijangka berlaku (Rajah 2.25), kebanyakan ITO bersetuju menangguhkan sebarang rancangan awal mereka untuk melaksanakan penetapan semula harga pada tahun 2020 bagi mengekalkan kemampuan untuk mendapatkan perlindungan perubatan. ITO akan menilai dengan teliti risiko berkaitan penangguhan kitaran penetapan semula harga yang berterusan, khususnya untuk portfolio yang mempunyai nisbah gabungan tertinggi sebelum pandemik (Rajah 2.26). Bagi portfolio sedemikian, terdapat risiko yang besar bahawa peningkatan mendadak dalam tuntutan yang berlaku setelah kebimbangan terhadap pandemik kian reda boleh mendorong kepada kenaikan harga yang lebih tinggi atau lebih kerap dalam jangka masa terdekat. Keadaan ini boleh memberikan kesan yang tidak seimbang kepada sesetengah pemegang polisi secara individu memandangkan pelarasan yang lebih besar yang dibuat dalam jangka masa yang lebih pendek. Dalam perniagaan takaful yang berdasarkan perkongsian risiko antara peserta takaful, mungkin terdapat kebimbangan tambahan yang berkaitan dengan keadilan dan kesaksamaan sekiranya caj *tabarru'* perubatan tidak dinaikkan selaras dengan jangkaan risiko, memandangkan peserta takaful yang lain akan membayar subsidi ke atas kerugian yang disebabkan oleh tuntutan perubatan pada tahap yang lebih besar daripada jumlah yang dihasratkan.

Rajah 2.25: Nisbah Gabungan Tuntutan Perubatan antara Tahun 2015 hingga 2020 dan Kesan yang Dijangka jika Penetapan Semula Harga Ditangguhkan



Mekanisme Penetapan Semula Harga Pelan Perubatan

Penetapan semula harga biasanya tercetus apabila nisbah gabungan sebenar portfolio produk perubatan melebihi nilai ambang yang ditentukan lebih awal dan harga produk pada masa itu dianggap tidak lagi boleh diteruskan. Melalui pelaksanaan penetapan semula harga, penetapan harga baharu dibuat berdasarkan jangkaan pengalaman tuntutan pada masa hadapan dengan memberikan sedikit ruang untuk inflasi bagi memastikan portfolio kekal mampan sehingga semakan seterusnya.

Apabila dimulakan, pelaksanaan penetapan semula harga berlaku dalam tempoh satu tahun, kerana harga baharu akan berkuat kuasa pada ulang tahun polisi/sijil setiap individu dalam portfolio tersebut. Nisbah gabungan akan berkurang buat sementara waktu susulan pelaksanaan penetapan semula harga, sebelum meningkat semula dalam tempoh beberapa tahun untuk mencetuskan kitaran penetapan semula harga yang seterusnya.

Nota: Data mewakili polisi insurans perubatan individu yang boleh diperbaharui setiap tahun. Nisbah gabungan purata telah diagregatkan untuk semua penanggung insurans hayat yang lebih tinggi atau lebih rendah daripada penanggung insurans hayat median untuk setiap tahun kalendar. Data ini telah disesuaikan untuk mengatasi sebarang isu berkaitan dengan data

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada penanggung insurans hayat

[20] Keadaan kesihatan jangka lebih panjang yang mungkin menjejaskan sesetengah pesakit selepas dijangkiti COVID-19.

Rajah 2.26: Taburan Penanggung Insurans Hayat dan Pengendali Takaful Keluarga Mengikut Nisbah Gabungan Perubatan Sebelum Pandemik



Nota: Data mewakili pengalaman tuntutan perubatan pada tahun 2019
Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Apakah yang boleh dilakukan untuk mengurus penetapan semula harga oleh perniagaan insurans/takaful perubatan dengan lebih baik?

Walaupun penetapan semula harga membolehkan ITO menguruskan perniagaan mereka dengan lebih mampan, Bank mengehendaki ITO melaksanakan penetapan semula harga secara objektif lagi saksama, berdasarkan pengalaman tuntutan sebenar pada masa lalu dan jangkaan pengalaman tuntutan masa hadapan yang wajar serta boleh disokong. Sebelum pandemik, pihak Bank juga telah menzahirkan kebimbangan berkaitan penangguhan pelaksanaan penetapan semula harga oleh ITO untuk tempoh yang panjang sebagai strategi persaingan. Penangguhan untuk tempoh yang panjang berkemungkinan akan menyebabkan pelarasan premium yang mendadak dan tidak dijangka bagi mengejar kenaikan inflasi tuntutan. Hal ini mungkin menyebabkan pemegang polisi tidak mampu membayar premium yang lebih tinggi lantas mempunyai pilihan yang terhad bagi mendapatkan perlindungan gantian (*replacement coverage*) disebabkan oleh faktor usia yang meningkat atau perubahan status kesihatan mereka. Bagi memastikan kesaksamaan dalam kalangan pemegang polisi, ITO dikehendaki mewujudkan dasar dalaman untuk mentadbir urus pelaksanaan penetapan semula harga pelan perubatan. Dasar itu meliputi penentuan penunjuk objektif dan nilai ambang yang digunakan oleh ITO bagi mendorong penetapan semula harga, serta metodologi yang digunakan untuk menetapkan harga baharu tersebut. Pelaksanaan polisi ini hendaklah dipantau dan dikaji semula bagi memastikan polisi tersebut diterima pakai secara konsisten di samping memberikan layanan yang adil terhadap pemegang polisi. Bank juga sedang mengkaji semula peraturan sedia ada bagi membolehkan fleksibiliti yang lebih banyak diberikan kepada ITO bagi mengurangkan tahap penetapan semula harga yang diperlukan untuk portfolio produk yang lebih kecil yang mungkin lebih cenderung mengalami turun naik yang lebih besar dalam pengalaman tuntutan.

Ekoran tanda-tanda awal pemulihan ekonomi pada tahun 2021, beberapa ITO telah menyambung kembali penetapan semula harga baru-baru ini. Walau bagaimanapun, ITO juga telah menyediakan langkah-langkah bagi menyokong pemegang polisi perubatan yang mungkin menghadapi kesukaran untuk membayar premium yang lebih tinggi memandangkan keadaan semasa yang luar biasa. Langkah-langkah tersebut bertujuan meringankan bebanan aliran tunai pemegang polisi tanpa perlu menamatkan perlindungan, lantas memberi mereka masa untuk kembali pulih dari segi kewangan. Pilihan yang disediakan untuk pemegang polisi termasuk membolehkan mereka mengekalkan premium pada jumlah asal sebelum penetapan semula harga, dengan beralih kepada pelan atau produk yang lebih murah buat sementara waktu. Pemegang polisi yang menggunakan pilihan ini akan dapat kembali kepada perlindungan asal dalam jangka masa yang ditentukan tanpa pengunderaitan baharu atau tambahan. Langkah ini merupakan tambahan kepada pilihan sedia ada untuk pemegang polisi yang terjejas untuk menangguhkan pembayaran premium buat sementara waktu.

Dalam jangka masa yang lebih panjang, pembendungan inflasi tuntutan perubatan, yang merupakan pemacu utama kepada penetapan semula harga, terus menjadi keutamaan bagi mengekalkan akses yang berterusan kepada perlindungan pembayaran balik kos perubatan yang disediakan oleh ITO swasta. Tindakan ini memerlukan usaha bersepadu daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk penyedia penjagaan kesihatan, pengawal selia, ITO, penyedia perkhidmatan sokongan, dan pengguna akhir, untuk menghasilkan pembaharuan jangka lebih panjang dalam penyampaian dan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Pembaharuan yang sedemikian dibincangkan dengan lebih lanjut dalam rencana yang bertajuk 'Mengurus Inflasi Tuntutan Perubatan' yang disiarkan dalam Laporan Tahunan Bank Tahun 2019.

Rujukan

Kelly, D. (2021). '2021 Global Medical Trend Rates Report'. [dalam talian] Aon plc. Boleh didapati melalui: https://aoninsights.com.au/2021-global-medical-trend-rates-report/.

Berlin et. al. (2 October 2020). 'Cutting through the COVID-19 surgical backlog'. [dalam talian] McKinsey & Company. Boleh didapati melalui: https://www.mckinsey.com/industries/healthcare-systems-and-services/our-insights/cutting-through-the-covid-19-surgical-backlog.

Gardner, T., dan Fraser, C. (13 April 2021). 'Longer waits, missing patients and catching up: How is elective care in England coping with the continuing impact of COVID-19?'. [dalam talian] The Health Foundation. Boleh didapati melalui: https://www.health.org.uk/news-and-comment/charts-and-infographics/how-is-elective-care-coping-with-the-continuing-impact-of-covid-19.

Mathews, A.W., dan Cherney, M. (15 October 2020). 'Covid-19 Outbreaks Led to Dangerous Delay in Cancer Diagnoses'. [dalam talian] The Wall Street Journal. Boleh didapati melalui: https://www.wsj.com/articles/covid-19-outbreaks-led-to-dangerous-delay-in-cancer-diagnoses-11602756013.

Willis Towers Watson (2020). '2021 Global Medical Trends Survey Report'. [dalam talian] Boleh didapati melalui: https://www.willistowerswatson.com/en-VN/Insights/2020/11/2021-global-medical-trends-survey-report%20#key-findings.

Dana insurans dan takaful am mencatatkan sedikit peningkatan dalam keuntungan operasi kepada RM1.8 bilion (ST1 2020: RM1.7 bilion), dipacu oleh prestasi pengunderaitan yang lebih baik (Rajah 2.27). Premium langsung kasar meningkat disebabkan oleh semakan semula kadar premium dalam segmen kebakaran, dan semua risiko kontraktor dan kejuruteraan (ST1 2021: +14%; ST1 2020: +4%) berikutan tuntutan yang lebih tinggi akibat beberapa insiden kebakaran dan letupan besar dalam dua tahun kebelakangan ini (Rajah 2.28). Selain itu, premium yang lebih tinggi juga disokong oleh pemulihan segmen motor pada kadar yang lebih kecil, berikutan peningkatan semula penjualan kereta susulan lanjutan pengecualian cukai penjualan kenderaan yang berkuat kuasa hingga bulan Disember 2021 dan pelonggaran langkah-langkah pembendungan sebelum PKP Penuh. Kadar insurans semula am meningkat pada kadar yang sederhana dalam keadaan pasaran insurans semula global yang semakin sukar. Keadaan ini memberikan kesan terutamanya kepada bidang perniagaan komersial dan khusus. Sokongan insurans semula untuk perlindungan kerugian gangguan perniagaan yang disebabkan oleh penyakit berjangkit dan menular – yang sudah pun terhad dari segi kapasiti dan pengambilan pada peringkat global – juga akan semakin berkurang akibat pandemik. Walau bagaimanapun, perkara ini hanya memberikan kesan yang sedikit kepada keuntungan keseluruhan ITO. Beberapa ITO yang lebih kecil terus mengalami volatiliti pendapatan yang ketara disebabkan oleh pergantungan yang lebih tinggi pada pendapatan pelaburan untuk menyokong

Rajah 2.27: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk



Nota: Lain-lain termasuk semua risiko kontraktor dan kejuruteraan

Sumber: Bank Negara Malaysia

keuntungan keseluruhan. Oleh itu, risiko volatiliti yang ketara dalam pasaran kewangan kekal tinggi bagi ITO-ITO ini.

Walaupun persekitaran kadar faedah adalah lebih rendah, peruntukan aset jangka panjang dan strategi pelaburan ITO hayat dan keluarga sebahagian besarnya kekal stabil. Industri insurans hayat juga dijangka kekal berdaya tahan dalam persekitaran kadar faedah rendah yang berpanjangan.[21] Sebagai perbandingan, ITO am didapati mengalihkan lebih banyak pemegangan tunai mereka ke dalam Skim Pelaburan Kolektif (Collective Investment Schemes, CIS)[22] dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk menjana pulangan yang lebih tinggi, dan pada masa yang sama masih mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi obligasi jangka pendek. Pemegangan tunai dan deposit ITO am terus menurun kepada 15.1% daripada jumlah aset (Disember 2020: 18.4%), sementara pemegangan bon mereka juga turut meningkat dalam tempoh kebelakangan ini kepada 28.9% daripada jumlah aset (Disember 2020: 27.6%). Selain itu, ITO am juga didapati telah meningkatkan pelaburan mereka dalam ekuiti pada tempoh ini, dengan mengambil manfaat daripada harga ekuiti yang menarik. Amalan pengurusan risiko pelaburan ITO secara umumnya kekal baik. Strategi pelaburan terus didorong

[21] Rujuk Rencana Maklumat bertajuk 'Menilai Kesan Kadar Faedah yang Menurun Terhadap Kedudukan Kesolvenan Penanggung Insurans Hayat' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Kedua 2019.

[22] Sebilangan besarnya terdiri daripada pelaburan dalam dana unit amanah dengan pelaburan pendapatan tetap sebagai aset asas.

terutamanya oleh peruntukan aset strategik dan pelan peruntukan aset taktikal yang diluluskan oleh lembaga pengarah ITO yang tidak berubah dengan ketara sebagai tindak balas kepada perkembangan pasaran dalam tempoh kebelakangan ini. Hal ini terus disokong oleh pemantauan dan pengaturan tadbir urus yang memuaskan dan berfungsi untuk mengawal dedahan risiko dalam kelas aset yang mengalami volatiliti yang lebih besar.

Pada masa hadapan, volatiliti pasaran kewangan dan prospek peningkatan kadar hasil bon akan terus mempengaruhi perolehan ITO memandangkan pelaburan kewangan mereka yang besar. Meskipun demikian, sektor insurans dan takaful dijangka terus berdaya tahan. Analisis sensitiviti yang dilakukan[23] pada kedudukan kewangan ITO menunjukkan kesan terhad kepada kedudukan kesolvenan mereka sekiranya berlaku kenaikan kadar hasil bon yang mendadak. Hal ini disokong oleh permodalan ITO yang kukuh. Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat industri sebanyak 221.2% kekal jauh melebihi tahap pengawalseliaan minimum sebanyak 130% (Rajah 2.29). Semua ITO juga terus mengekalkan nisbah modal melebihi tahap sasaran modal dalaman mereka yang mencakupi antara 150% dan 250%. Setakat akhir bulan Jun 2021, penampan modal lebihan agregat melebihi tahap pengawalseliaan minimum berjumlah RM36.8 bilion. Ujian tekanan yang dilakukan ke atas penanggung insurans[24] juga mengesahkan kemampuan mereka untuk menghadapi potensi kejutan yang teruk.

Rajah 2.29: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

[23] Rujuk bahagian Risiko Pasaran dalam bab 'Menghadapi Pemulihan Tidak Sekata: Perkembangan Penting Pada Separuh Pertama Tahun 2021' untuk perincian mengenai analisis sensitiviti yang dilakukan terhadap kedudukan kewangan ITO kepada pergerakan kadar hasil bon.

[24] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Kedua 2020 untuk keterangan lanjut.

MENILAI DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Ujian tekanan merupakan komponen penting dalam rangka kerja kestabilan kewangan Bank. Dalam penerbitan sebelum ini,[25] Bank telah melaporkan hasil ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun yang terkini menggunakan pendekatan dari atas ke bawah (*top-down*). Dalam ujian itu, dua senario buruk hipotetikal direka untuk memperkukuh penilaian Bank terhadap daya tahan setiap institusi kewangan dan sistem kewangan secara lebih meluas berikutan keadaan pemulihan ekonomi yang ketara lebih lemah daripada jangkaan. Hasil ujian tersebut telah mengesahkan bahawa institusi kewangan mempunyai penampan yang mencukupi terhadap potensi kerugian yang mungkin timbul sekiranya senario-senario buruk ini berlaku.

Dengan mengambil kira perkembangan sejak hasil ujian tersebut diterbitkan, termasuk pelaksanaan PKP Penuh, ujian tekanan menggunakan pendekatan dari atas ke bawah yang dijalankan pada awal tahun ini terus mengambil kira pelbagai kejutan ekonomi dan kewangan yang teruk serta memadai untuk menguji daya tahan institusi kewangan. Pandangan ini sebahagiannya mencerminkan tahap konservatif yang ketara dalam membuat andaian berhubung dengan bayaran balik pinjaman yang telah diterapkan dalam ujian tekanan apabila kejutan tersebut digunakan sebagai input untuk menilai potensi kerugian institusi kewangan (Jadual 2.3).

Oleh itu, kemas kini terhadap ujian tekanan berbilang tahun yang menggunakan pendekatan dari atas ke bawah akan diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Kedua 2021, sejajar dengan kitaran ujian tekanan tahunan yang lalu. Walaupun demikian, sebagai sebahagian daripada pelaksanaan penilaian penyeliaan Bank yang berterusan, setiap bank dikehendaki menghantar hasil ujian tekanan mereka berdasarkan senario tekanan hipotetikal keadaan pemulihan ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan, hingga akhir tahun 2022. Senario tersebut mengandaikan bahawa ekonomi dalam negeri akan pulih secara beransur-ansur dan pemulihan dijangka hanya berlaku menjelang separuh kedua tahun 2022. Memandangkan sekatan pergerakan yang berpanjangan, kesan buruk kepada ekonomi diandaikan mendalam dan meluas di samping tahap pengangguran yang meningkat, harga aset yang tertekan, lebih banyak perniagaan yang ditutup, serta sentimen pengguna dan perniagaan yang lemah. Selain itu, diandaikan langkah-langkah bantuan tidak dilanjutkan dan langkah-langkah bantuan yang

Jadual 2.3: Andaian Bayaran Balik Pinjaman dalam Ujian Tekanan dari Atas ke Bawah

	Andaian
Bantuan bayaran balik pinjaman	• Tiada R&R bagi pinjaman perniagaan selepas suku kedua tahun 2021 • Bantuan bayaran baik pinjaman untuk peminjam isi rumah ditamatkan selepas suku pertama tahun 2021
Pemulihan pinjaman terjejas	• Tiada pembalikan (*reversion*) kepada tahap asal pinjaman isi rumah dan perniagaan, walaupun isi rumah dan syarikat menunjukkan perkembangan yang baik pada tempoh berikutnya
Langkah-langkah sokongan dasar	• Kesan daripada inisiatif dasar seperti fleksibiliti untuk membuat pengeluaran daripada simpanan persaraan, program subsidi upah, atau pindahan tunai daripada Kerajaan tidak diambil kira
Bayaran balik pinjaman secara sekali gus yang akan matang	• Bagi syarikat tidak tersenarai dalam sektor mudah terjejas, hingga 50% daripada bayaran balik pinjaman secara sekali gus diandaikan akan terjejas. Ini ketara lebih tinggi berbanding dengan pinjaman terjejas sebenar[1] yang dicatatkan setakat ini

Nota:
[1] Pada bulan Jun 2021, hanya 17% daripada jumlah asal bayaran balik pinjaman secara sekali gus yang akan matang dinilai oleh bank-bank (dan disemak oleh juruaudit) menunjukkan tanda-tanda kenaikan yang ketara dalam risiko kredit, sementara bahagian yang sangat kecil (0.4%) pinjaman berkenaan telah terjejas

Sumber: Bank Negara Malaysia

[25] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Kedua 2020 untuk maklumat lanjut.

baharu tidak diperkenalkan. Bank-bank juga diminta mempertimbangkan kesan daripada kemungkinan penurunan penarafan berdaulat. Sama seperti ujian tekanan kesolvenan makro yang menggunakan pendekatan dari atas ke bawah, senario ekonomi yang digunakan dalam ujian pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up*) ini tidak menggambarkan jangkaan sebenar Bank terhadap trajektori ekonomi. Senario ini direka khusus untuk menguji daya tahan institusi kewangan terhadap kejutan ekonomi yang teruk dan berpanjangan, di samping berfungsi sebagai pelengkap kepada penilaian berdasarkan ujian tekanan yang menggunakan pendekatan dari atas ke bawah yang dijalankan oleh Bank.

Dalam ujian tekanan ini, setiap bank secara bebas akan membuat penilaian tentang jangkaan kejutan makroekonomi dan kewangan yang akan dihadapi dan potensi kerugian yang akan ditanggung oleh mereka. Tahap kejutan dan andaian yang berkaitan secara amnya konservatif merentas semua bank. Sebagai contoh, beberapa bank menggunakan faktor tekanan tambahan ke atas segmen terpilih dalam portfolio mereka termasuk kebarangkalian mungkir yang ketara lebih tinggi. Kumpulan perbankan domestik juga telah mengambil kira kesan kejutan terhadap operasi cawangan luar negeri mereka dalam ujian tekanan tersebut. Di samping itu, kebanyakan bank membuat andaian bahawa kadar hasil bon akan meningkat,[26] yang mencerminkan jangkaan aliran keluar bukan pemastautin yang lebih tinggi berikutan berlaku semula ketidakpastian dasar dan penularan kembali kes COVID-19 di dalam negeri. Andaian ini dibuat meskipun mereka menjangkakan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) terus dikurangkan. Bank-bank juga membuat andaian bahawa pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman akan terus melonjak pada tahun 2021, sebelum berkurang secara beransur-ansur pada akhir tahun 2022, sejajar dengan jangkaan keadaan pemulihan ekonomi.

Hasil ujian tekanan menggunakan pendekatan dari bawah ke atas yang dijalankan oleh setiap bank telah mengesahkan daya tahan agregat sistem perbankan terhadap kejutan ekonomi dan kewangan yang teruk. Risiko kredit kekal sebagai pendorong utama potensi kerugian yang akan ditanggung oleh bank-bank, dengan kedua-dua ujian tekanan yang menggunakan pendekatan dari atas ke bawah dan dari bawah ke atas menunjukkan sektor perniagaan menyumbang kepada bahagian kerugian yang lebih besar. Kos kredit di bawah pendekatan dari bawah ke atas adalah hampir empat kali kos kredit yang dicatatkan pada tahun 2020, iaitu sekitar dua kali lebih tinggi daripada tahap yang dicatatkan di bawah pendekatan dari atas ke bawah. Kos ini telah dipencongkan oleh parameter ekonomi yang ketara lebih konservatif yang digunakan oleh segelintir bank. Bank-bank ini mencakupi sekitar satu perlima daripada jumlah aset sistem perbankan dan disokong oleh kedudukan modal permulaan yang kukuh pada peringkat entiti dan kumpulan.

Secara keseluruhan, di bawah ujian tekanan yang menggunakan pendekatan dari bawah ke atas, penurunan median nisbah jumlah modal pada akhir tahun 2022 ialah 4.4 mata peratusan, dengan julat antara kuartil[27] sebanyak 5.9 mata peratusan (kuartil pertama: 2.1 mata peratusan, kuartil ketiga: 8 mata peratusan). Hasil ujian ini, walaupun menunjukkan kesan agregat yang lebih besar terhadap sistem perbankan disebabkan oleh perbezaan andaian yang ketara merentas bank, tidak mengubah penilaian keseluruhan daya tahan sistem perbankan di bawah ujian tekanan menggunakan pendekatan dari atas ke bawah yang dijalankan oleh Bank.

Yang penting, kedudukan bank-bank yang kekal berdaya tahan menjadi faktor penyumbang utama yang akan mengurangkan penghindaran risiko yang berlebihan, yang lazimnya merupakan tindak balas institusi kewangan berikutan kemelesetan ekonomi. Hasil ujian tekanan ini telah mengesahkan bahawa bank-bank kekal berada pada kedudukan yang teguh untuk menyokong pemberian pinjaman kepada perniagaan dan isi rumah yang berdaya maju, sekali gus menggalakkan ekonomi pulih dengan lebih kukuh.

[26] Rujuk bahagian Risiko Pasaran dalam bab 'Menghadapi Pemulihan Tidak Sekata: Perkembangan Penting pada Separuh Pertama 2021' untuk perincian berkenaan analisis sensitiviti yang dilakukan terhadap kedudukan kewangan institusi kewangan untuk menilai impak pergerakan kadar hasil bon.

[27] Julat antara kuartil menunjukkan perbezaan antara penurunan nisbah jumlah modal yang dilaporkan oleh bank pada persentil ke-75 dan bank pada persentil ke-25. Memandangkan pendekatan yang diambil dalam ujian tekanan dari bawah ke atas mungkin menghasilkan variasi yang luar biasa dalam parameter ekonomi yang digunakan oleh beberapa bank, julat antara kuartil ini merupakan ukuran yang lebih sesuai untuk menunjukkan taburan keputusan setiap bank.

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	ST1 2019	ST2 2019	ST1 2020	ST2 2020	ST1 2021*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	18.0	18.6	18.4	18.9	18.4
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.7	15.1	15.2	15.7	15.2
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.0	14.6	14.6	15.2	14.7
Pulangan atas Aset[1]	1.4	1.4	1.0	1.0	1.1
Pulangan atas Ekuiti[1]	12.1	12.2	8.9	8.4	9.7
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	153.0	149.1	149.2	148.2	149.1
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	1.0	1.0	0.9	1.0	1.0
Caj Modal atas Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.1	1.2	1.2	1.1	1.1
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	4.8	4.2	4.8	5.2	4.7
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	0.7	1.6	1.3	1.5	1.3
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	230.0	226.9	227.1	219.7	221.2
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	16.5	7.7	4.7	17.3	3.7
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	9.7	9.0	9.0	9.9	11.8
Nisbah Kecukupan Modal	213.2	206.2	210.6	203.5	207.9
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.5	0.6	0.9	0.9	1.3
Keuntungan Operasi (RM bilion)	1.4	1.5	1.7	1.7	1.8
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	10.6	10.2	10.3	10.5	10.8
Nisbah Tuntutan	59.3	59.1	55.9	54.2	52.7
Nisbah Kecukupan Modal	273.2	279.8	287.1	282.6	270.9
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	1,217.7	1,251.8	1,265.9	1,320.6	1,335.4
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,627.6	2,708.8	2,751.9	2,903.5	2,900.5
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	82.2	82.7	87.4	93.2	89.6
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	215.8	216.4	217.4	219.9	217.2
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	145.6	143.2	143.8	145.3	146.5
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR[2]	1.2	1.2	1.0	1.1	1.0
Sektor Perniagaan[3]					
Pulangan atas Aset	1.5	1.6	0.8	1.0	1.6
Pulangan atas Ekuiti	2.8	3.2	1.6	2.1	3.0
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	25.1	25.8	24.3	22.5	21.9
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	4.7	4.8	3.8	4.9	5.4
Margin Operasi	5.7	5.7	5.0	5.2	6.3
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	2.6	2.5	2.5	2.6	2.7
Institusi Kewangan Pembangunan[4]					
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	0.4	-0.3	3.9	7.7	6.2
Deposit Digembleng (% perubahan)	1.8	2.5	2.0	6.6	7.5
Nisbah Pinjaman Terjejas	6.7	6.4	5.9	5.1	5.5
Pulangan atas Aset	1.5	1.5	1.1	1.1	1.3

[1] Keuntungan sistem perbankan teragregat pada peringkat entiti. Hasil teragregat seterusnya dilaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%
[2] Merujuk institusi perbankan dan institusi kewangan bukan bank
[3] Metrik prestasi kewangan syarikat tersenarai awam adalah setakat suku pertama tahun 2021
[4] Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir				
	ST1 2019	ST2 2019	ST1 2020	ST2 2020	ST1 2021*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah Aset[1]	979,393.3	1,020,371.0	1,041,629.6	1,089,539.9	1,138,648.9
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	32.8	33.5	33.3	34.2	35.0
Jumlah Pembiayaan[1]	720,748.1	753,609.9	780,376.6	817,398.2	840,971.6
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	38.4	39.2	39.9	41.0	41.4
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan[1]	804,959.9	826,167.2	859,946.8	889,951.4	933,214.3
Jumlah Deposit[1]	724,326.0	739,130.3	761,993.4	790,905.4	820,390.9
Jumlah Akaun Pelaburan[1]	80,633.9	87,036.9	97,953.4	99,046.0	112,823.4
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1]	37.4	37.7	38.1	38.9	39.7
	%				
Nisbah Jumlah Modal	17.6	18.5	18.3	18.6	17.6
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.3	14.6	14.6	15.0	14.1
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	13.8	14.1	14.0	14.5	13.6
Pulangan atas Aset	1.1	1.2	0.6	0.7	1.2
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	1.0	1.0	0.9	0.9	0.9
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	34,522.0	36,517.6	39,040.1	41,871.2	43,222.6
Keluarga	30,601.4	32,283.8	34,538.5	37,025.5	38,272.0
Am	3,920.6	4,233.9	4,501.6	4,845.7	4,950.6
% daripada industri insurans dan takaful	10.9	11.2	11.8	11.9	12.3
Pendapatan Sumbangan Bersih	5,788.3	5,542.4	5,642.8	5,985.5	7,189.0
Keluarga	4,456.0	4,150.9	4,336.5	4,527.5	5,776.3
Am	1,332.3	1,391.4	1,306.3	1,457.9	1,412.8
% daripada industri insurans dan takaful	18.9	17.7	18.6	18.2	21.9
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	3,253.9	2,904.0	3,191.8	3,401.9	4,682.1
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	1,631.3	1,677.2	1,641.2	1,817.1	1,861.7
Nisbah Tuntutan (%)	56.6	59.5	53.3	58.0	51.8

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Glosari, Akronim dan Singkatan

Artifak
Bukti yang ditinggalkan oleh penjenayah siber dalam rangkaian, sistem atau peranti seperti teks, kod berniat jahat dan fail

Aset kewangan isi rumah
Aset yang dimiliki oleh isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam amanah saham dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Aset kewangan mudah tunai isi rumah
Aset kewangan isi rumah kecuali simpanan KWSP

Aset mudah tunai berkualiti tinggi
Aset yang boleh ditukar kepada tunai secara mudah dan cepat dengan sedikit atau tanpa kehilangan nilai

Bank asing diperbadankan di Malaysia
Bank komersial atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia

Bank domestik yang penting dari segi sistemik
Bank yang berpotensi menyebabkan gangguan yang besar terhadap sistem kewangan domestik dan ekonomi secara lebih meluas jika ia mengalami kegagalan

Daya tahan siber
Keupayaan sebuah organisasi untuk terus melaksanakan misinya dengan dapat menjangkakan dan menyesuaikan diri terhadap ancaman siber dan perubahan lain yang berlaku dalam persekitaran, serta dengan menahan, membendung dan pulih dengan cepat daripada serangan siber

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan
Instrumen pemantauan risiko untuk mengukur tahap tekanan dalam pasaran kewangan domestik dan pendorong tekanan pasaran

Jumlah modal
Jumlah modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Tambahan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2

Kebarangkalian mungkir
Kebarangkalian satu pihak mungkir terhadap obligasi kontraknya dengan institusi kewangan dalam suatu tempoh masa tertentu

Keuntungan/kerugian operasi
Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pendapatan pelaburan bersih dan pendapatan lain, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Keuntungan/kerugian pengunderaitan
Pendapatan premium/sumbangan diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen dan perbelanjaan pengurusan, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Kumpulan perbankan domestik
Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersial berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen

Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan
Jumlah pendapatan pengunderaitan bersih, pendapatan pelaburan bersih dan pendapatan lain, meliputi semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga langsung serta penanggung insurans semula hayat

Margin faedah bersih
Perbezaan antara kadar faedah yang digunakan apabila bank memberikan pembiayaan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank untuk pendanaan, termasuk deposit

Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1
Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, keuntungan tertahan dan rizab lain

Model jangkaan kerugian kredit
Purata berwajaran kerugian kredit dengan risiko mungkir yang berlaku masing-masing dijadikan sebagai wajaran

Nisbah bida kepada perlindungan
Nisbah yang mengukur kekukuhan permintaan untuk sekuriti semasa lelongan. Nisbah dikira mengikut nilai bida diterima semasa lelongan dibahagi dengan jumlah terjual

Nisbah gabungan
Jumlah tuntutan tertanggung dan perbelanjaan sebagai peratusan kepada premium/sumbangan takaful

Nisbah harga kepada nilai buku
Nisbah harga saham kepada nilai buku saham

Nisbah harga kepada nilai perolehan
Nisbah harga saham kepada nilai perolehan bank sesaham dalam tempoh 12 bulan yang lepas

Nisbah kecukupan modal
Ukuran kedudukan kesolvenan institusi kewangan, dinyatakan sebagai nisbah jumlah modal tersedia kepada jumlah modal diperlukan

Nisbah khidmat hutang
Nisbah obligasi jumlah hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun)

Nisbah kos kredit tahunan
Nisbah jejas nilai kerugian pinjaman tahunan dikenakan pada penyata pendapatan sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman terkumpul

Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
Nisbah pendanaan stabil tersedia *(available stable funding,* ASF*)* kepada pendanaan stabil yang diperlukan *(required stable funding,* RSF*)* bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran mengikut kestabilan masing-masing, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan berwajaran mengikut mudah tunai masing-masing

Nisbah perlindungan faedah
Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
Nisbah aset mudah tunai berkualiti tinggi *(high-quality liquid assets,* HQLA*)* bank kepada jangkaan aliran keluar tunai bersih bank untuk tempoh 30 hari akan datang

Nisbah pinjaman terjejas bersih
Nisbah pinjaman terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman ditolak peruntukan tertentu

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek
Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat bagi mengukur mudah tunai

Nominal KDNK
Keluaran dalam negeri kasar pada harga semasa

Pelaku ancaman
Individu, kumpulan atau organisasi yang dipercayai beroperasi dengan niat jahat

Pelan kesinambungan perniagaan
Pelan tindakan menyeluruh yang menggariskan prosedur, proses dan sistem yang diperlukan untuk meneruskan atau memulihkan operasi perniagaan sesebuah institusi jika terjadinya gangguan secara besar-besaran

Pelan pemulihan bencana
Pelan tindakan bertulis secara menyeluruh yang menggariskan prosedur dan proses untuk sistem IT dan keperluan-keperluan yang penting untuk menyokong dan memulihkan operasi perniagaan sesebuah institusi jika terjadinya gangguan

Pembayaran merentas sempadan
Pembayaran yang dibuat apabila pembayar dan penerima pembayaran berada di negara yang berbeza

Pembolehubah makroekonomi
Penunjuk yang menunjukkan trend semasa ekonomi seperti unjuran pertumbuhan KDNK dan pengangguran

Pemburuan ancaman
Amalan pencarian aktiviti berbahaya atau mencurigakan secara proaktif dalam rangkaian, peranti dan data yang tidak berjaya dikesan oleh perisian keselamatan yang sedia ada

Peminjam berpendapatan sederhana
Peminjam yang berpendapatan RM5,000 hingga RM10,000 sebulan

Peminjam berpendapatan tinggi
Peminjam yang berpendapatan melebihi RM10,000 sebulan

Penangguhan premium/caruman
Pilihan kepada para pelanggan yang terjejas akibat COVID-19 untuk menangguhkan bayaran premium atau sumbangan polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga selama tiga bulan tanpa menjejaskan perlindungan

Pendapatan pengunderaitan bersih
Pendapatan premium insurans selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan lain, meliputi semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga langsung serta penanggung insurans semula hayat

Penentuan semula harga pelan perubatan
Penentuan semula kadar premium/sumbangan atau caj insurans/*tabarru'* untuk perlindungan insurans/takaful bagi pembayaran balik kos perubatan

Penyedia perkhidmatan pihak ketiga
Entiti-entiti, termasuk syarikat-syarikat sekutu yang menyediakan perkhidmatan rangkaian kepada sesebuah institusi kewangan di bawah pengaturan penyumberan luar

Penyelesaian bersih tertunda
Mekanism penyelesaian bersih yang menyelesaikan secara bersih pada akhir kitaran penyelesaian yang telah ditentukan

Penyelesaian kasar masa nyata
Penyelesaian secara masa nyata bagi transaksi pembayaran, arahan pemindahan atau obligasi lain berdasarkan setiap transaksi secara berasingan (iaitu secara kasar)

Penyerap kerugian yang lebih tinggi
Keperluan penampan modal yang dikenakan terhadap D-SIB melebihi keperluan pengawalseliaan minimum untuk meningkatkan penampan modal bagi operasi yang akan berterusan, bertujuan mengurangkan kebarangkalian untuk D-SIB tersebut gagal

Perkongsian kos
Salah satu ciri pembayaran balik perubatan bagi produk insurans/takaful, iaitu pemegang polisi/peserta takaful membayar sebahagian daripada kos perkhidmatan penjagaan kesihatan yang dilindungi

Pertimbangan pengurusan
Peruntukan tambahan yang disediakan melebihi peruntukan asal berasaskan model jangkaan kerugian kredit *(expected credit loss,* ECL*)*. Pertimbangan pengurusan memberikan penyesuaian risiko model disebabkan oleh kekurangan data atau ketidakpastian yang tidak dirangkumi secukupnya oleh model ECL

Pinjaman tahap 2
Pinjaman yang menunjukkan kemerosotan risiko kredit yang memerlukan bank menyediakan peruntukan berdasarkan jangkaan kerugian kredit seumur hidup, berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9)

Pinjaman tahap 3
Pinjaman tahap 3 merujuk pinjaman yang menunjukkan bukti objektif nilai terjejas (iaitu terjejas kredit), berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9)

Premium/sumbangan langsung kasar
Premium/sumbangan yang diperoleh sebelum potongan komisen, pembrokeran atau perbelanjaan lain, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung

Premium/sumbangan perniagaan baharu
Premium/sumbangan yang diperoleh daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu, meliputi semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga langsung serta penanggung insurans semula hayat

Produk berkaitan pelaburan
Insurans hayat atau takaful keluarga yang sebahagian daripada nilai polisi/sijilnya ditentukan mengikut nilai aset pelaburan pada masa itu

Program pelaburan semula dividen
Program yang ditawarkan oleh bank yang membolehkan pemegang saham melabur semula dividen tunai ke dalam saham tambahan bank-bank tersebut

Risikan ancaman siber
Maklumat ancaman yang telah dikumpulkan, diubah, dianalisis, ditafsirkan dan diperkaya bertujuan untuk memberi konteks yang membolehkan keputusan dibuat

Risiko penyelesaian
Risiko bahawa penyelesaian dana bagi transaksi pemindahan dana atau sekuriti tidak akan berlaku seperti yang diharapkan. Risiko ini mungkin merangkumi risiko kredit dan risiko mudah tunai

Rumah yang tidak terjual
Terdiri daripada unit kediaman (termasuk SOHO dan pangsapuri berperkhidmatan) yang tidak terjual selama lebih dari sembilan bulan dari tarikh pelancaran atau selepas 1 Januari 1997. Unit-unit ini merangkumi (i) unit yang dilengkapi dengan Sijil Penyiapan Dan Pematuhan/Sijil Layak Menduduki Sementara dalam tempoh kajian; atau (ii) unit dengan kelulusan pelan bangunan yang sedang dibina

Sandbox
Persekitaran terhad dan terkawal yang membolehkan perisian yang mungkin berniat jahat digunakan dengan selamat tanpa menjejaskan sumber program atau persekitaran sebenar

Shellcode
Kod yang mengandungi mesej berniat jahat yang digunakan untuk mengeksploitasi kelemahan perisian

Sistem pembayaran runcit
Sistem pemindahan dana yang biasanya menangani sejumlah besar pembayaran secara relatif bernilai rendah dalam bentuk seperti cek, pindahan kredit, debit langsung dan transaksi pembayaran kad

Skim pelaburan kolektif
Skim pelaburan yang mengumpulkan dana para pelabur untuk diuruskan oleh pengurus dana berdasarkan mandat yang dipersetujui dengan pelabur

Sumber komersial
Data ancaman yang dikumpulkan daripada entiti komersial dan syarikat keselamatan siber yang menjual maklumat tersebut kepada pelbagai organisasi secara teratur

Sumber peribadi
Data ancaman yang dikumpulkan daripada entiti peribadi, yang tidak boleh dijumpai di tempat lain

Sumber terbuka
Data ancaman yang dikumpulkan daripada sumber awam

Syarikat korporat bukan kewangan
Syarikat yang aktiviti utamanya ialah mengeluarkan barangan dan/atau perkhidmatan bukan kewangan

Tabarru'
Sesuatu derma, hadiah atau sumbangan. Dari segi takaful, *tabarru'* merujuk sumbangan daripada pemegang sijil untuk tujuan takaful

ASEAN
Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations)

ATM
Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine)

BCP
pelan kesinambungan perniagaan *(business continuity plan)*

CAGR
kadar pertumbuhan tahunan terkompaun *(compounded annual growth rate)*

CAR
nisbah kecukupan modal *(capital adequacy ratio)*

CASA
akaun semasa dan simpanan *(current and savings accounts)*

CASTD
nisbah tunai kepada hutang jangka pendek *(cash-to-short-term debt ratio)*

CET1
Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1)

CISS
Sistem Pemarkahan Insiden Siber (Cyber Incident Scoring System)

CRISP
Cybersecurity Resilience and Information Sharing Platform

CSM
CyberSecurity Malaysia

CWG
Kumpulan Kerja Siber (Cyber Working Group)

DBG
kumpulan perbankan domestik *(domestic banking group)*

DNS
penyelesaian bersih tertunda *(deferred net settlement)*

DRP
pelan pemulihan bencana *(disaster recovery plan)*

D-SIB
bank domestik yang penting dari segi sistemik *(domestic systemically important bank)*

ECL
jangkaan kerugian kredit *(expected credit loss)*

FCY
mata wang asing *(foreign currency)*

FinTIP
Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform)

FMSI
Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index)

FX
pertukaran asing *(foreign exchange)*

HLA
penyerap kerugian yang lebih tinggi *(higher loss absorbency)*

HQLA
aset mudah tunai berkualiti tinggi *(high-quality liquid assets)*

ICR
nisbah perlindungan faedah *(interest coverage ratio)*

IHRM
Indeks Harga Rumah Malaysia

IKBB
institusi kewangan bukan bank

IL
berkaitan pelaburan *(investment-linked)*

IT
teknologi maklumat *(information technology)*

ITCL
tahap modal sasaran individu (*individual target capital level)*

ITO
penanggung insurans dan pengendali takaful *(insurers and takaful operators)*

KDNK
Keluaran Dalam Negeri Kasar

KWSP
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

LCR
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio)

LIBFC
Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre)

LIFB
bank asing diperbadankan di Malaysia *(locally-incorporated foreign bank)*

LTV
pinjaman kepada nilai *(loan-to-value)*

MEV
pembolehubah makroekonomi *(macroeconomic variables)*

MFRS
Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standard)

MGS
Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities)

MYR
Ringgit Malaysia

NACSA
Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Agency)

NFC
syarikat korporat bukan kewangan *(non-financial corporate)*

NIM
margin faedah bersih *(net interest margin)*

NOP
kedudukan terbuka bersih *(net open position)*

NSFR
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio)

P/B
harga kepada nilai buku *(price-to-book)*

P/E
harga kepada perolehan *(price-to-earnings)*

PayNet
Payments Network Malaysia Sdn Bhd

PEMERKASA+
Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan

PEMULIH
Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi

PKPP
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh

PKS
perusahaan kecil dan sederhana

PTF
Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing)

QR
Respon Pantas (Quick Response)

R&R
penjadualan dan penstrukturan semula *(rescheduling and restructuring)*

RENTAS
Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System)

ROA
pulangan atas aset *(return on assets)*

ROE
pulangan atas ekuiti *(return on equity)*

RPP
Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform)

RPS
sistem pembayaran runcit *(retail payment system)*

SKMM
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

SOP
tatacara pengendalian piawai *(standard operating procedure)*

SRR
Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement)

TPSP
penyedia perkhidmatan pihak ketiga *(third party service provider)*

TRRF
Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (Targeted Relief and Recovery Facility)

UST
Perbendaharaan Amerika Syarikat (United States Treasury)

WGBI
FTSE Russell's World Government Bond Index